



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PARTISIPASI POLITIK PENGUNDI MUDA MALAYSIA: DARI REFORMASI KE TSUNAMI POLITIK

NORHAFIZA BINTI MOHD HED



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS SOSIAL
(SAINS POLITIK)

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi ii

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

8 Februari 2012

NORHAFIZA MOHD HED

P 54717



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan kajian ini. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beberapa individu yang menjadi tulang belakang dalam menayakan kajian ini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia Prof. Madya Dato' Dr. Mohammad Agus Yusoff yang sentiasa memberi motivasi, tunjuk ajar dan kritikan membina bagi menghasilkan sebuah kajian yang sempurna, sekali gus membakar semangat saya untuk menjadi seorang pensyarah yang berkaliber kelak.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana telah menganugerahkan biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) bagi membolehkan saya menyambung pengajian di peringkat sarjana ini. Ribuan terima juga ditujukan kepada majikan saya, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), khususnya Ketua Jabatan Pengajian Malaysia, Dr. Ahmad Sohaimi Lazim yang menyokong penuh permohonan cuti belajar saya bagi menyambung pengajian ini.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terhutang budi kepada ibu tersayang, Norrimah Mansor yang sentiasa berada di sisi memberi galakan, pandangan dan tidak putus-putus mendoakan kejayaan anaknya ini. Hanya segenggam Ijazah yang dapat diberikan sebagai tanda terima kasih di atas pengorbanan yang ibu curahkan selama ini. Ucapan penghargaan juga kepada adik beradik tercinta iaitu Mohd Rizal, Norwariza dan Mohd Saiful yang banyak memberi semangat untuk saya meneruskan pengajian ke tahap ini. Tidak ketinggalan, ribuan terima kasih kepada tunang tersayang, Azizul Afandi yang sangat memahami dan banyak memberi kekuatan kepada saya untuk lebih berusaha mencapai cita-cita sebagai pendidik.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada teman-teman seperjuangan Haslinda Halid, Nur Adlin, Zakiah Saidi, Noraini Halim, Cikgu Amin, Faizal Matalib, Shahrul Affendi, Arwah Afrizal Ramlan, Amir Hamzah dan teman-teman sekuliah lain yang sentiasa menyokong antara satu sama lain dan melontarkan idea serta maklumat berguna bagi memperbaiki lagi mutu kajian ini.

Akhir kata, diharapkan agar kajian ini dapat memberi manfaat dan sumbangan kepada masyarakat jika terdapat kekurangan dalam kajian ini, ia adalah kelemahan diri saya sendiri.

Norhafiza Binti Mohd Hed
No. 405, Blok F17 Seksyen 1, Wangsa Maju
53300 Setapak
Kuala Lumpur.





ABSTRAK

Era reformasi tahun 1998 sehingga ke tsunami politik tahun 2008 menyaksikan wujudnya kebangkitan luar biasa pengundi muda dalam politik Malaysia. Ledakan penyertaan anak muda dalam politik negara memuncak sejak pemecatan Anwar Ibrahim dari kerajaan dan keadaan ini terus berlanjutan sehingga menghasilkan gelombang tsunami politik pada PRU 2008 yang akhirnya telah menangkis kemenangan dua pertiga majoriti BN dalam Parlimen. Oleh itu, kajian ini menyelidiki partisipasi politik pengundi muda di Malaysia dengan memfokuskan analisisnya kepada perubahan pola penglibatan anak muda dalam politik dari era reformasi ke tsunami politik, faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan politik golongan ini dan impak penglibatan mereka ke atas lanskap politik Malaysia. Data primer kajian ini diperolehi dari temu bual bersemuka dengan para informan terpilih juga data-data sekunder. Data-data ini dianalisis secara kualitatif. Hasil kajian ini mendapati pola penglibatan anak muda dalam politik berubah-ubah daripada demonstrasi jalanan ke siber politik, seterusnya ke peti undi. Perubahan dalam pola ini berkait rapat dengan faktor sosioekonomi, struktur politik, media baru dan partisipasi serantau. Partisipasi politik pengundi muda pula berada pada tahap *systematically mixed* iaitu wujud satu kelompok anak muda yang aktif berpolitik dan berjuang untuk membawa Malaysia ke arah demokrasi (tahap partisipan) dan satu kelompok lain yang mempunyai kesedaran politik tetapi enggan terlibat dalam politik (tahap subjek). Bagaimanapun, penglibatan pengundi muda dalam politik tidak berjaya menggantikan kerajaan pemerintah, tetapi sekadar mampu mencetuskan tsunami politik. Ini kerana kerajaan berjaya menyekat kemaraan pengundi muda dari dua aspek. Pertama, kerajaan berjaya meredakan tentangan golongan ini dengan memenuhi kehendak mereka seperti menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan, skim perumahan dan biasiswa pendidikan. Kedua, kerajaan mengenakan sekatan undang-undang bagi menyekat kebebasan politik anak muda Malaysia.





ABSTRACT

The 'reformasi' era of the year 1998 until the political tsunami in the year 2008 witnessed the emergence of unidentified upgrowing of young voters in Malaysia's politics. The participation of young voters exploded in the nation beginning with the dismissal of Anwar Ibrahim from the government, and uprising continued resulting to the political tsunami during the 2008 general election, which resulted with the BN denied two-third majority in the Parliament. Therefore, this study examined the political participation of the young voters in Malaysia by focusing its analysis on the changing pattern of political involvement of young people from the 'reformasi' era to the political tsunami era, the factors which influence this group's political participation and the impacts of their involvement on Malaysia's political landscape. Primary data of this study were collected from face-to-face interviews with selected informants, as well as through secondary data. These data were analyzed qualitatively. The findings of this study showed that the pattern of young voter's involvement in politics changed from street demonstrations to the cyber politics and to the ballot box. These changes were closely tied with the socioeconomic factors, political structure, new media and global trends. The level of political participation of the young voters was 'systematically mixed' i.e the group of politically active young people and stroved to bring Malaysia towards democracy (participant level) and another group were those whom had the political awareness but refused to participate in politics (subject level). However, the participation of the young voters in politics failed to replace the existing government, but merely sparked the political tsunami. The government managed to stop the advancement of the young voters from two aspects. Firstly, the government was able to defuse opposition of this group by providing more job opportunities, housing scheme and scholarships. Secondly, the government imposed legal restrictions which prevent the political freedom of the youngsters of Malaysia.



KANDUNGAN

Halaman

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SINGKATAN	xi

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	8
1.3	Tujuan Kajian	15
1.4	Skop Kajian	15
1.5	Analisis Konsepsual: Partisipasi Politik dan Tingkah Laku Pengundi	17
1.5.1	Analisis Konsep Partisipasi Politik	19
1.5.2	Teori Tingkah Laku Pengundi	32
1.5.3	Hubungan antara Partisipasi Politik dan Tingkah Laku Pengundi	40
1.5.4	Kerangka Kajian	43
1.6	Sorotan Literatur	46
1.6.1	Penglibatan dan Tingkah Laku Pengundi Muda di Negara Maju	47
1.6.2	Penglibatan dan Tingkah Laku Pengundi Muda di Negara sedang Membangun	52
1.6.3	Penglibatan dan Tingkah Laku Pengundi Muda di Malaysia	56

1.7	Metodologi Kajian	60
1.8	Organisasi Penulisan	63

BAB II PENGLIBATAN PENGUNDI MUDA DALAM POLITIK MALAYSIA HINGGA ERA PEMERINTAHAN DR. MAHATHIR MOHAMAD

2.1	Pengenalan	65
2.2	Penglibatan Golongan Muda dalam Menuntut Kemerdekaan	67
2.2.1	Peranan Golongan Muda dalam Pembentukan Parti-parti Politik	72
2.3	Pola Penglibatan Politik Pengundi Muda Malaysia Selepas Merdeka	82
2.3.1	Pilihan Raya Umum 1969 dan Rusuhan Kaum 13 Mei 1969	83
2.3.2	Pola Penglibatan Pengundi Muda selepas Tragedi 13 Mei 1969	94
2.4	Pola Penglibatan Politik Pengundi Muda Malaysia di Zaman Pemerintahan Hussein Onn	101
2.5	Pola Penglibatan Politik Pengundi Muda di Zaman Pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad	104
2.6	Rumusan	115

BAB III PENGLIBATAN POLITIK PENGUNDI MUDA MALAYSIA ERA REFORMASI

3.1	Pengenalan	119
3.2	Penglibatan Politik Pengundi Muda dalam Reformasi Tahun 1998	120
3.3	Tingkah Laku Pengundi Muda dalam Pilihan Raya Umum 1999	137
3.4	Partisipasi Politik Orang Muda dalam Era Pemerintahan Abdullah Ahmad Badawi	151



3.5	Pola Pengundian Anak Muda dalam Pilihan Raya Umum 2004	158
3.6	Rumusan	165
BAB IV	PILIHAN RAYA UMUM 2008 DAN TSUNAMI POLITIK: ANALISIS KE ATAS PARTISIPASI POLITIK PENGUNDI MUDA	
4.1	Pengenalan	169
4.2	Senario Politik Malaysia sebelum Pilihan Raya Umum 2008	171
4.3	Sikap Pengundi Muda dalam Pilihan Raya Umum 2008	186
4.4	Impak Penglibatan Golongan Muda ke atas Politik Malaysia	204
4.5	Rumusan	218
BAB V	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	221
5.2	Tahap Penglibatan Orang Muda dalam Politik	222
5.3	Pola Politik dan Tingkah Laku Pengundi Muda Malaysia	226
5.4	Penutup	234
RUJUKAN		235



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Halaman
3.1	Kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dimenangi oleh BN, 1995-1999	140
3.2	Kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dimenangi oleh Parti Pembangkang, 1995-1999	141
3.3	Kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dimenangi oleh BN pada Pilihan Raya Umum 2004	160
3.4	Kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dimenangi oleh Pembangkang pada Pilihan Raya Umum 2004	161
4.1	Kerusi Parlimen yang dimenangi oleh Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum 2008	189
4.2	Kerusi Parlimen yang dimenangi oleh Pakatan Pembangkang pada Pilihan Raya Umum 2008	190
4.3	Keputusan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Pilihan Raya Umum 2008, mengikut Negeri	191





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.1	Kerangka penyelidikan	45
5.1	Pola penglibatan orang muda dalam politik Malaysia sebelum kemerdekaan sehingga tsunami politik tahun 2008.	233





SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AMCJA	All Malayan Council of Joint Action
AP	Approved Permit
API	Angkatan Pemuda Insaf
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BA	Barisan Alternatif
BN	Barisan Nasional
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
Gagasan	Gagasan Demokratik Rakyat
Gerak	Majlis Gerakan Keadilan Rakyat
Gerakan	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
Hindraf	Hindu Rights Action Force/ Barisan Bertindak Hak-hak Hindu
IMF	International Monetary Fund
ISA	Internal Security Act/ Akta Keselamatan Dalam Negeri
ITM/UiTM	Institut Teknologi Mara/ Universiti Teknologi Mara
KeADILan/PKR	Parti Keadilan Nasional/Parti Keadilan Rakyat
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMS	Kesatuan Melayu Singapura
KRIS	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
LPM	Labour Party Malaya/ Parti Buruh Malaya
Mageran	Majlis Gerakan Rakyat Malaysia
MBM	Majlis Belia Malaysia
MCA	Malaysian Chinese Association
MDU	Malayan Democratic Union
MIC	Malaysian India Congress
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
MSC	Multimedia Super Corridor





NDYL

New Democratic Youth League

NGO

Badan Bukan Kerajaan

NSTP

New Straits Times Press

OPEC

Organization of the Petroleum Exporting Countries

OSA

Official Secrets Act/ Akta Rahsia Rasmi

PAS

Parti Islam SeMalaysia

PIN

Pelan Integrasi Nasional

PKPIM

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia

PKM

Parti Komunis Malaya

PKMM

Parti Kebangsaan Melayu Malaya

PLKN

Program Latihan Khidmat Negara

PPP

People's Progressive Party

PR

Pakatan Rakyat

PRM

Parti Rakyat Malaysia

PRU

Pilihan Raya Umum

PUTERA

Pusat Tenaga Rakyat

SPR

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

SUARAM

Suara Rakyat Malaysia

UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia

UM

Universiti Malaya

UMNO

United Malay National Organization/ Pertubuhan
Kebangsaan Melayu Bersatu



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Jatuh bangunnya sesebuah parti dan pemimpin politik adalah bergantung kepada kuasa belia. Ini kerana golongan belia merupakan antara kelompok penduduk terbesar dunia menjadikan undi golongan belia dalam pilihan raya begitu signifikan.¹ Mereka mempunyai kuasa memilih sehingga mampu mencetuskan transformasi politik. Beberapa contoh fenomena politik seperti kemenangan Barack Obama dalam pilihan raya presiden di Amerika Syarikat (AS) pada tahun 2008,² dan demonstrasi pasca pilihan raya Presiden Iran pada tahun 2009 adalah berkisar mengenai penglibatan

¹Populasi golongan belia yang berumur 15 hingga 24 tahun adalah dianggarkan seramai 1.2 bilion pada tahun 2010. Majoriti daripadanya (1.1 billion) datang daripada negara kurang membangun terutamanya benua Afrika. Kadar populasi golongan ini dijangka akan meningkat sebanyak 14.4% pada tahun 2015 di negara kurang membangun berbanding dengan negara membangun kerana kebanyakan negara kurang membangun mempunyai tahap kesuburan yang tinggi. Di Malaysia, golongan belia adalah merujuk kepada mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Dianggarkan, jumlah populasi golongan belia di Malaysia adalah seramai 11.65 juta atau 40.2% daripada 27.5 juta jumlah keseluruhan penduduknya. Peratusan populasi warga belia di Malaysia adalah sangat tinggi berbanding dengan negara-negara Asia Tenggara lain seperti Filipina (37.2%), Indonesia (36%) dan Thailand (29%). Lihat statistik yang dikeluarkan oleh Population Reference Bureau (2009), United Nations (2010) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (2010).

²Barack Obama dari parti Demokrat telah memenangi pilihan raya presiden Amerika Syarikat pada 4 November 2008 dengan mengalahkan calon parti Republikan, John McCain. Kemenangan ini sekali gus mengangkat beliau sebagai presiden Amerika yang ke-44. Salah satu faktor penyumbang kepada kemenangan Obama adalah peningkatan kadar sokongan golongan muda kepadanya. Dalam pemilihan ini, sebanyak 24 juta golongan belia telah keluar mengundi. Daripada jumlah ini, 60% pengundi muda telah mengundi Obama kerana keberkesanan kempenya menggunakan kemudahan siber sebagai mekanisme untuk mendekati rakyat, khususnya golongan remaja. Beliau menggunakan teknologi moden seperti *social networking*, emel, teks pesanan ringkas, program-program televisyen dan blog yang sering digunakan oleh golongan muda untuk menarik sokongan mereka. Hasilnya, golongan muda ini bukan hanya sekadar mengundi Obama, tetapi juga turut berkempen untuk Obama. Untuk perbincangan lanjut, lihat misalnya tulisan Walker (2008), Berry (2009) dan Lipka & Weideman (2008).





golongan muda dalam membawa gelombang perubahan.³ Revolusi yang melanda Tunisia dan Mesir adalah senario politik terkini yang menunjukkan kesinambungan peranan orang muda dalam menjatuhkan regim pemerintah dan membawa gelombang pendemokrasian di dunia Arab.⁴

³Di Iran, pilihan raya presidennya pada tahun 2009 menandakan satu titik revolusi besar-besaran dalam pertempuran di antara pendokong presiden Ahmadinejad dan reformis Mir Hussein Mousavi. Revolusi ini bermula apabila Ahmadinejad dilantik semula sebagai presiden Iran setelah berjaya menewaskan Mousavi dengan majoriti sebanyak 62%. Punca tercetusnya revolusi ini adalah kerana terdapat dakwaan oleh Mousavi mengenai penipuan dan manipulasi undi. Mousavi telah membuat rayuan rasmi menentang keputusan pilihan raya ini dan menuntut supaya pengiraan undi diadakan semula. Setelah pengiraan semula undi dijalankan, Lembaga Pilihan Raya Iran memutuskan kemenangan Ahmadinejad adalah sah dan muktamad. Kesannya, para penyokong Mousavi mengadakan bantahan dan demonstrasi di bandar-bandar utama di Iran bertujuan untuk menarik perhatian pihak antarabangsa, khususnya Amerika dan sekutunya terhadap ketidakadilan dalam sistem pilihan raya di Iran. Protes ini juga dikenali sebagai 'Revolusi Hijau' yang merujuk kepada warna kempen Mousavi dan 'Revolusi Twitter' apabila kebanyakan daripada mereka yang terlibat berkomunikasi menggunakan *twitter*. Demonstrasi pasca pilihan raya ini merupakan rusuhan awam terburuk di Iran apabila banyak kemusnahan berlaku sehingga meragut korban jiwa yang besar. Golongan belia Iran merupakan penggerak utama revolusi ini kerana mereka mahukan pembaharuan. Mereka merasakan polisi nuklear dan kelantangan Ahmadinejad terhadap negara-negara Barat telah membantutkan pembangunan ekonomi di Iran. Selepas kejayaan Revolusi Iran pada tahun 1979, Iran telah mengadaptasi sistem negara Islam yang dipimpin oleh golongan Ulama. Sejak 13 tahun lalu, kebangkitan pengaruh golongan muda dalam agenda politik negara republik Islam ini dilihat semakin meningkat. Golongan ini merupakan ancaman terbesar dalam pemerintahan teokratik di Iran. Ini kerana golongan muda memperjuangkan fahaman demokratik sebagai model baru dalam politik negara Islam. Untuk huraian lanjut, lihat tulisan Shannon (2009) dan Dreyfuss (2009).

⁴Krisis politik di Tunisia atau Revolusi Jasmine berlaku pada 17 Disember 2010 apabila seorang penganggur muda yang dikenali sebagai Mohamed Bouazizi, telah membakar dirinya sebagai tanda protes terhadap kerajaan yang gagal menyediakan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan memperbaiki tahap ekonomi Tunisia. Kejadian ini telah membangkitkan kemarahan penduduk Tunisia yang turut terkesan daripada kemelesatan ekonomi, penyelewengan, rasuah dan amalan nepotisme dalam kerajaan Ben Ali. Akibatnya, beberapa siri pertempuran dan protes besar-besaran telah berlaku di sekitar bandar-bandar Tunisia antara penduduk dan pihak polis. Sebagai reaksinya, kerajaan Tunisia telah bertindak menutup semua institusi pendidikan dan sekolah-sekolah agar golongan muda tidak berada di jalanan. Selain itu, kerajaan turut berjanji untuk meningkatkan peluang pekerjaan, menangani kenaikan harga barangan dan membenarkan kebebasan akhbar dan internet. Walau bagaimanapun, penduduk Tunisia enggan berganjak dan protes rakyat ini berlanjutan sehingga kerajaan terpaksa mengisytiharkan darurat di Tunisia. Pertempuran ini telah meragut seramai 78 nyawa penduduk Tunisia. Akhirnya, pada 14 Januari 2011 presiden Zine al-Abidine Ben Ali telah mengundurkan diri dan melarikan diri ke Arab Saudi. Lihat rencana tulisan Mohd Ayop (2011) dan Marwan Muasher (2011).

Di Mesir, kejayaan revolusi di Tunisia telah memberikan inspirasi kepada rakyatnya untuk mengadakan demonstrasi anti kerajaan bagi menamatkan pemerintahan diktator pimpinan Hosni Mubarak yang telah berkuasa selama 30 tahun. Protes rakyat Mesir ini bermula secara aman pada 25 Januari 2011 di Dataran Tahrir, Kaherah. Demonstrasi ini turut disertai oleh parti-parti pembangkang, organisasi bukan kerajaan dan kumpulan anti Mubarak. Namun, protes anti kerajaan ini telah dihalangi oleh pihak polis dan para penyokong Hosni Mubarak sehingga menyebabkan pertempuran besar-besaran berlaku dan merebak ke beberapa bandar lain di Mesir. Antara faktor penyumbang kepada kemarahan rakyat Mesir terhadap kerajaan berpunca daripada isu-isu politik (seperti kebebasan bersuara yang terhad, keganasan pihak polis dan amalan rasuah yang berleluasa di dalam kerajaan) serta faktor ekonomi (seperti pengangguran yang tinggi, inflasi harga barangan dan penetapan gaji minimum yang rendah). Selain itu, rangkaian sosial seperti Twitter dan Facebook telah dijadikan sebagai landasan oleh golongan muda untuk berkomunikasi dan menyebarkan informasi bagi menggerakkan protes di Mesir. Kerajaan yang bimbang dengan penyebaran maklumat ini telah





Berdasarkan fenomena-fenomena politik ini, ternyata golongan muda menggunakan pilihan raya sebagai saluran penting untuk menghakis legitimasi pemerintah, menggerakkan reformasi dan memanifestasikan protes terhadap kerajaan. Lantas, golongan ini dilabel sebagai pemangkin yang mencorakkan lanskap dan hala tuju negara. Para sarjana seperti Souza & Ribeiro (1976) dan Manning & Truzzi (1972) mengemukakan beberapa faktor yang mendorong keterlibatan belia dalam politik. Antaranya ialah masalah sistem dan struktur politik, ketidakstabilan sosioekonomi, ideologi politik, tahap pendidikan serta nilai sosiobudaya. Welch (1982:34) menyatakan terdapat satu lagi faktor penting yang mempengaruhi penglibatan belia dalam politik iaitu proses modenisasi. Proses modernisasi telah membangkitkan kesedaran golongan belia mengenai peri pentingnya mempertahankan hak, kebebasan dan keadilan sosial. Manakala Dahlgren (2007) dan De Vreese (2007) melihat faktor media internet sebagai penjana yang menggerakkan penglibatan belia dalam politik. Melihat kepada senario politik semasa, dunia siber adalah medium yang paling berpengaruh dalam kehidupan golongan muda. Ini kerana dunia siber memberikan lebih ruang kebebasan dan autonomi kepada mereka untuk berdiskusi, mengakses sumber informasi dan mengekspresi pendapat. Justeru, faktor-faktor ini sangat mempengaruhi partisipasi politik pengundi muda.

Di Malaysia, penglibatan pengundi muda dalam politik sering berubah-ubah. Ia sejajar dengan peredaran zaman dan isu-isu semasa yang berlaku. Ledakan penyertaan golongan muda dalam politik memuncak sewaktu kemelut politik pada tahun 1998 antara Mahathir dan Anwar. Faktor utama tercetusnya kemelut politik ini adalah disebabkan oleh perbezaan pendapat antara dua pemimpin ini dalam menghadapi krisis ekonomi Asia sehingga menjurus kepada pemecatan Anwar dalam kabinet. Namun, bibit awal munculnya kuasa belia dalam politik Malaysia bermula

bertindak memutuskan jaringan internet dan sistem telekomunikasi supaya rakyatnya tidak lagi boleh berhubung untuk menyebarkan maklumat buruk tentang kerajaan. Kerajaan Mesir juga mengadakan rundingan dengan pihak pembangkang termasuk Ikhwan Muslimin, tetapi jalan penyelesaian gagal dicapai. Ini kerana Hosni Mubarak enggan berundur dan berjanji akan melakukan reformasi politik sejajar dengan tuntutan rakyat Mesir. Namun, tekanan daripada pihak Amerika Syarikat yang mahukan pengunduran Mubarak disegerakan dan momentum protes rakyat yang semakin memuncak telah memaksa Presiden Hosni Mubarak meletakkan jawatannya pada 11 Februari 2011. Krisis politik yang berlanjutan selama 18 hari ini telah mencatatkan seramai 365 kematian dan beribu-ribu kecederaan. Untuk perbincangan lanjut, lihat misalnya tulisan Mustafa Kamal Basri (2011) dan Fahim & El-Naggar (2011).





sebelum merdeka lagi. Maka, penyertaan anak muda dalam politik Malaysia boleh dilihat dalam tiga fasa berbeza iaitu pra-kemerdekaan hingga awal kemerdekaan pada tahun 1960-an, era pengisian kemerdekaan dari tahun 1960-an hingga 1980-an dan era pengukuhan kemerdekaan dari tahun 1990-an hingga era 2000-an.⁵

Pada fasa pertama iaitu sewaktu era pra-kemerdekaan, anak-anak muda yang berpeluang melanjutkan pengajian di Barat dan Timur Tengah banyak dipengaruhi oleh keadaan sosial di negara-negara tempat mereka belajar. Sekembalinya ke tanah air, mereka membawa aliran pemikiran dan kesedaran menentang penjajah bagi mencapai kemajuan sosioekonomi masyarakat di negara ini. Kebanyakan daripada tokoh-tokoh intelektual ini menggunakan mata pena sebagai medium sebaran utama untuk menyebarkan idea nasionalisme kemerdekaan. Antara tokoh intelektual Timur Tengah yang telah menyuntik kesedaran ini adalah seperti Syed Sheikh Ahmad al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin. Selain Timur Tengah, golongan berpendidikan sekular Inggeris turut berperanan besar dalam memperjuangkan kemerdekaan. Melalui Persatuan Melayu Great Britain, tokoh seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Dr. Ismail dan Tun Dr. Mohamed Suffian Hashim mempengaruhi pihak British untuk mempercepatkan proses kemerdekaan dan menghapuskan Malayan Union. Bertitik tolak daripada kesedaran ini, corak perjuangan golongan muda berpaksi kepada usaha ke arah menuntut kemerdekaan dan mencapai kemajuan sosioekonomi. Bagi merealisasikan objektif ini, parti-parti politik mewujudkan sayap Pemuda khusus untuk golongan muda. Antaranya yang lantang bersuara dan aktif berjuang untuk menuntut kemerdekaan adalah Pergerakan Pemuda UMNO. Pergerakan ini berperanan sebagai sayap kanan dan tunjang utama UMNO dalam jentera pilihan raya.⁶ Parti radikal seperti Angkatan Pemuda Insaf (API) juga turut terlibat dalam

⁵Bagi melihat dengan lebih jelas mengenai tahap penyertaan politik golongan muda dalam politik dan pilihan raya, penulis memfokuskan perbincangan kepada penglibatan golongan muda dalam politik semasa era pengukuhan kemerdekaan, pada fasa ketiga, khususnya dengan melihat kepada gerakan reformasi pada tahun 1998 sehingga tercetusnya tsunami politik pada tahun 2008.

⁶Pergerakan Pemuda UMNO ditubuhkan secara rasmi pada 26 Ogos 1949. Tujuan utama penubuhan pergerakan ini adalah untuk menjaga kebajikan pemuda UMNO dan sebagai badan pelaksana kepada dasar-dasar yang diperkenalkan oleh UMNO. Sejak penubuhannya, Pemuda UMNO menggunakan pendekatan yang lebih tegas dan lantang selaras dengan asas perjuangannya iaitu sebagai kumpulan pendesak dan pembela terhadap pelbagai isu yang membabitkan agama, bangsa dan negara. Sewaktu pergerakan Pemuda UMNO berada di bawah tampuk pimpinan Tun Sardon Jubir, pergerakan ini banyak memainkan peranan aktif dalam mempercepatkan proses kemerdekaan. Pertama, Pemuda UMNO telah menukar slogan mereka daripada 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka' demi



memperjuangkan kemerdekaan.⁷ Usaha dan perjuangan pertubuhan pemuda dalam memerdekakan Tanah Melayu akhirnya membuahkan hasil apabila Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Fasa kedua pula berlaku sekitar era 1960-an hingga 1980-an. Tempoh ini menyaksikan Malaysia dilanda kemelut politik apabila menghadapi masalah konfrantasi dengan Indonesia (1963)⁸ dan konflik perkauman (1969).⁹ Konflik politik

membangkitkan semangat Melayu untuk menentang Malayan Union dan menuntut kemerdekaan. Selain itu, Pemuda UMNO turut mendesak Tunku Abdul Rahman supaya menetapkan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Akhirnya, apabila bendera Union Jack diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan, ia melakar sejarah yang besar bagi Pemuda UMNO kerana peranannya dalam memperjuangkan maruah orang Melayu telah tercapai. Perjuangan Pemuda UMNO kini diterajui oleh Khairy Jamaluddin. Misi utama perjuangan mereka kini adalah untuk memenangi sokongan generasi muda kepada Barisan Nasional. Namun, mereka masih mengekalkan intipati utama perjuangan Pemuda UMNO iaitu memelihara kepentingan bangsa. Lihat tulisan Ramlah Adam (1976) dan Zin Mahmud (2008).

⁷Angkatan Pemuda Insaf (API) pada asalnya merupakan sebuah sayap pemuda Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang berhaluan kiri dan sosialis Melayu. API telah ditubuhkan pada 17 Februari 1946 oleh Ahmad Boestamam, Abdul Rahman Rahim dan Bakar Thareek. Selepas dua bulan ditubuhkan, Ahmad Boestamam membawa API keluar daripada pentadbiran PKMM. Ini kerana Ahmad Boestamam dapat melaksanakan tindakan dan dasar API dengan lebih berkesan. Dasar perjuangan dan tujuan penubuhan API telah digariskan oleh Ahmad Boestamam dalam Testamen Politik API. Testamen ini menerangkan mengenai kebangkitan pergerakan pemuda pemudi di Tanah Melayu tanpa mengira ras. API juga bercita-cita untuk menggabungkan negeri-negeri Tanah Melayu dengan Indonesia dan menuntut supaya Tanah Melayu diberi kemerdekaan serta demokrasi tulen diamalkan di negara ini. Pertubuhan radikal ini telah diharamkan oleh pihak British pada tahun 1947 kerana dianggap mengancam keselamatan politik British dan Tanah Melayu. Untuk perbincangan lanjut, lihat misalnya tulisan Ramlah Adam (2004a) dan A.Samad Ismail (2004).

⁸Konfrantasi Malaysia-Indonesia berlaku pada tahun 1961 apabila Tunku Abdul Rahman mengumumkan secara rasmi idea gagasan Malaysia, iaitu hasrat untuk menggabungkan negeri-negeri Semenanjung, Singapura, Sabah dan Sarawak. Tindakan ini mengundang kemarahan Indonesia menyebabkan Indonesia melancarkan konfrantasi dengan memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia. Apabila Malaysia ditubuhkan pada September tahun 1963, Indonesia yang pada ketika itu berada di bawah pemerintahan Presiden Sukarno, menentang pembentukan gagasan Malaysia ini kerana beliau mahu menubuhkan 'Indonesia Raya' yang menggabungkan Indonesia dan Tanah Melayu. Terdapat juga isu-isu lain yang membangkitkan konfrantasi. Antaranya, Indonesia berasa terancam dengan adanya tentera dan pengkalan-pengkalan asing di Malaysia. Selain itu, Indonesia juga gusar dengan pembentukan Malaysia yang akan menjadi sarang bangsa Cina yang boleh menjadi ancaman kepada negaranya. Konfrantasi Malaysia-Indonesia ini berlanjutan sehingga tahun 1966. Pada awalnya, konfrantasi ini hanya sekadar 'perang mulut' antara Malaysia dan Indonesia. Ia termasuklah kempen 'Ganyang Malaysia' yang dilancarkan oleh Indonesia. Lama-kelamaan, konfrantasi ini bertukar menjadi perang ketenteraan apabila gerila Indonesia menyerang wilayah semenanjung Malaysia. Pada April 1963, pasukan tentera Indonesia mula memasuki Sabah dan Sarawak untuk menyebarkan propaganda dan menduduki kawasan ini. Kemudian, pasukan tentera Indonesia mendarat di Johor pada tahun 1964 dan cuba membentuk pasukan gerila. Walau bagaimanapun, percubaan ini berjaya dipatahkan oleh regimen askar Melayu yang telah ditugaskan untuk mempertahankan tanah air. Malaysia juga telah meminta pihak British dan Australia untuk menempatkan pasukan tentera mereka di kawasan sempadan Kalimantan. Akhirnya usaha Indonesia untuk menyerang Malaysia menemui kegagalan. Pelbagai usaha telah diambil oleh Malaysia dan negara-negara jiran untuk menamatkan konfrantasi ini seperti persidangan dan perjanjian serta menggunakan peranan pengantara. Namun,



dan perkauman ini telah menggugat integrasi nasional dan merubah lanskap politik sekali gus memaksa kerajaan memperketatkan kawalan terhadap kebebasan politik di Malaysia. Maka, ruang kebebasan golongan muda dalam politik menjadi lebih terbatas apabila kerajaan menggubal Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA (1960), Akta Rahsia Rasmi atau OSA (1972), Akta Hasutan (1948) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti atau AUKU (1971).¹⁰ Penggubalan akta-akta ini tidak

usaha-usaha ini menemui jalan buntu, sehinggalah kejatuhan presiden Sukarno pada tahun 1965 yang telah membuka ruang pendamaian. Pada Mei 1966, sebuah rundingan pendamaian antara Malaysia dan Indonesia diadakan di Bangkok. Kedua-dua buah negara telah mencapai kata putus untuk berdamai dan mengakhiri konfrantasi. Lihat perbincangan menarik yang dikupas oleh Kunaseelan (1996), Nik Anuar (2000) dan Ramlah Adam (2004b).

⁹Konflik perkauman yang paling tragik berlaku dalam sejarah hubungan etnik di Malaysia ialah pada 13 Mei 1969. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada berlakunya rusuhan perkauman ini. Pertama, dasar 'pecah dan perintah' oleh pihak British telah mewujudkan jurang dan polarisasi antara kaum di Malaysia, khususnya dalam sektor ekonomi. Keadaan sosioekonomi yang berbeza di antara Melayu dan Cina telah melahirkan perasaan cemburu yang akhirnya membawa kepada sentimen perkauman. Kedua, konspirasi politik yang dimainkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) untuk merampas kuasa kerajaan. PKM menggerakkan pemuda Cina untuk mencabar ketuanan Melayu selepas PRU tahun 1969 yang akhirnya ditindak balas oleh kaum Melayu dan berkesudahan dengan pertumpahan darah. Selain itu, Pilihan Raya Umum (PRU) 1969 juga dilihat sebagai *turning point* tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Dalam PRU 1969, parti Perikatan (UMNO, MCA dan MIC) telah mengalami kekalahan teruk sehingga menyebabkan parti Perikatan kehilangan majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat, walaupun masih berjaya membentuk kerajaan persekutuan. Parti Perikatan hanya memperolehi 66 kerusi daripada 104 kerusi yang dipertandingkan berbanding dengan 89 kerusi pada PRU 1964. Sebaliknya, Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Democratic Action Party (DAP) dan People's Progressive Party (PPP) memenangi 25 kerusi dan PAS 12 kerusi. Parti pembangkang didakwa menggunakan provokasi perkauman dengan membangkitkan isu-isu seperti hak keistimewaan (bumiputera), taraf kewarganegaraan, bahasa Melayu dan pendidikan sebagai modal berkempen menyebabkan timbulnya sentimen perkauman dan syak wasangka di antara pelbagai kaum di Malaysia. Satu perarakan telah diadakan di jalan-jalan utama sekitar Kuala Lumpur sempena meraikan kemenangan DAP dan Gerakan. Perarakan kaum Cina ini telah menghina dan mengutuk orang Melayu sehingga menyebabkan orang-orang Melayu melancarkan serangan balas. Akibatnya, rusuhan kaum besar-besaran berlaku sehingga meragut beratus-ratus nyawa. Untuk perbincangan lanjut, lihat tulisan Goh Cheng Teik (1971), Vasil (1971) dan Von Vorys (1975).

¹⁰Akta Keselamatan Dalam Negeri (*Internal Security Act*, ISA) telah diperkenalkan pada tahun 1960 sebagai suatu akta tahanan pencegahan, pencegahan subversif dan penghapusan keganasan terancang terhadap orang dan harta di kawasan tertentu di Malaysia. Di bawah akta ini, seseorang boleh ditahan di bawah ISA tanpa bicara selama 60 hari sehingga tempoh dua tahun sekiranya Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri merasakan orang yang ditahan itu masih merupakan ancaman terhadap keselamatan negara.

Akta Rahsia Rasmi (*Official Secret Act*, OSA) digubal pada tahun 1972 sebagai suatu akta yang menyekat penyebaran maklumat berkenaan dengan kedaulatan negara dan keselamatan bagi memelihara rahsia kerajaan dari bocor kepada negara lain.

Akta Hasutan digubal pada tahun 1948 bertujuan untuk menghalang sebarang bentuk hasutan, fitnah dan penghinaan terhadap raja dan kerajaan sehingga boleh mengganggu gugat keselamatan negara.

Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) digubal pada tahun 1971. Pindaan 1975 terhadap AUKU telah dilaksanakan bertujuan untuk mengawal pergerakan mahasiswa daripada mengambil bahagian dalam aktiviti politik. Sebelum pindaan 1975, mahasiswa hanya dilarang memegang jawatan dalam parti politik atau kesatuan sekerja. Namun selepas pindaan 1975, fokus tertumpu kepada Seksyen 15 di mana mahasiswa dilarang untuk menjadi ahli atau menyatakan



menghentikan penglibatan politik golongan muda yang diterajui oleh gerakan mahasiswa untuk memperjuangkan isu kemasyarakatan dan perkauman. Buktinya, mereka tetap melibatkan diri dalam beberapa siri demonstrasi seperti demonstrasi Tasik Utara dan Baling pada tahun 1974.¹¹ Berikutan peristiwa ini, parlimen telah meminda beberapa seksyen AUKU 1971 pada 8 April 1975. Pindaan undang-undang ini semakin mengekang kebebasan dan mengongkong penglibatan golongan muda untuk bergiat aktif dalam politik nasional. Sehubungan itu, para sarjana seperti Zakaria Ahmad (1989), Crouch (1996) dan Case (2002) melabelkan Malaysia sebagai negara quasi-demokrasi, semi-demokrasi atau demokrasi autoritarian. Dalam fasa ini juga, tahap penglibatan golongan muda dalam politik masih berada pada tahap sederhana. Walaupun golongan muda sering mendaftar sebagai pengundi, namun keterlibatan mereka tidak dianggap signifikan sehinggalah wujudnya kebangkitan 'kuasa belia' dalam penentuan keputusan pilihan raya sejak tahun 1999.

Fasa ketiga merujuk kepada zaman pemerintahan Dr. Mahathir bermula pada tahun 1981 hingga 2000-an. Fasa ini memperlihatkan perubahan drastik penglibatan

sokongan dalam apa jua bentuk kepada parti politik atau pertubuhan haram yang boleh menyalahgunakan hak pelajar-pelajar. Selain itu, mahasiswa tidak dibenarkan menyertai mana-mana perhimpunan tanpa persetujuan daripada pihak universiti. Mahasiswa dan pertubuhan mahasiswa juga tidak dibenarkan memungut wang dan menjadi ahli bersekutu dengan mana-mana pertubuhan, parti politik atau kesatuan sekerja. Walau bagaimanapun, AUKU 1975 ini telah dipinda dan digazetkan pada tahun 2009 di mana mahasiswa diberi sedikit kebebasan dan kelonggaran untuk melibatkan diri dalam kegiatan politik dan proses pembuatan keputusan, hak bersuara serta berpersatuan. Antara kelonggaran yang diberikan adalah mahasiswa dibenarkan untuk terlibat dan berhubung dengan pertubuhan luar kampus. Selain itu, mahasiswa juga dibenarkan berinteraksi dengan ahli-ahli politik dan mahasiswa mempunyai kebebasan bersuara serta membuat kenyataan mengenai politik dalam sebarang seminar, simposium dan majlis-majlis yang tidak dianjurkan oleh parti-parti politik.

¹¹Demonstrasi Tasik Utara berlaku pada September 1974 di Johor apabila golongan miskin yang membina penempatan setinggan di kawasan Tasik Utara diarahkan supaya keluar daripada kediaman mereka dan tidak diberikan tapak sebagai ganti. Pada awalnya, pembinaan setinggan di kawasan ini tidak dihalang oleh kerajaan, malahan mendapat sokongan daripada peraih undi. Tetapi selepas pilihan raya, kerajaan bertindak merobohkan penempatan setinggan mereka sehingga menyebabkan demonstrasi tercetus.

Demonstrasi Baling pula adalah siri "Perarakan kelaparan" yang melibatkan golongan tani di Baling, Kedah pada 19 hingga 30 November 1974. Golongan petani ini menuntut kerajaan supaya menaikkan harga getah pada tahap yang munasabah. Mereka juga turut mendapat sokongan lebih daripada 8,000 golongan muda yang telah mengadakan demonstrasi di Kuala Lumpur pada 3 Disember 1974. "Perarakan kelaparan" ini menuntut supaya kerajaan membela nasib rakyat, menggunakan wang rakyat sebaik-baiknya dan menghapuskan rasuah. Akibatnya, seramai kira-kira 1,500 mahasiswa telah ditahan dalam demonstrasi ini termasuklah Anwar Ibrahim dan Ibrahim Ali. Anwar ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana disyaki terlibat dalam merancang demonstrasi ini. Salah seorang tokoh lain yang terlibat dalam demonstrasi ini adalah Hishamudin Rais. Tetapi, Hishamuddin Rais yang berperanan penting dalam bantahan ini telah melarikan diri ke luar negara. Lihat Abdul Ghani Abdullah (1980), Hussain Mohamed (1986) dan Muthasaran (2008) untuk perbincangan lanjut.



generasi muda dalam politik, khususnya sewaktu berlaku gerakan reformasi pada tahun 1998. Mengikut statistik Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), peratusan golongan muda yang melibatkan diri sebagai pengundi dalam pilihan raya meningkat sebanyak 89.4 peratus pada tahun 1998 berbanding 80.9 peratus pada tahun 1980. Pertambahan kadar peratusan undian pengundi muda didorongi oleh krisis ekonomi Asia, globalisasi, kemelut politik yang membelenggu Malaysia pada tahun 1998 serta kebangkitan politik siber yang merancakkan lagi perdebatan politik golongan muda. Partisipasi politik pengundi muda juga turut berubah daripada politik perkauman kepada perjuangan memelihara hak asasi dan isu kesejagatan. Meskipun kerajaan menggunakan kuasa hegemoni seperti kawalan undang-undang dan media bagi menyekat kebebasan berpolitik golongan muda, namun ia tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk membawa Malaysia ke arah satu dimensi politik baru yang lebih demokratik.

Sehubungan dengan kenyataan di atas, tesis ini menyelidiki dinamika perkembangan politik pengundi muda dan impaknya ke atas politik Malaysia. Kajian ini bermula daripada penglibatan golongan ini dalam politik Malaysia semasa era reformasi hingga tsunami politik tahun 2008 dengan melihat kepada partisipasi politik, faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan mereka dan implikasi penglibatan golongan ini dalam pembangunan politik di Malaysia.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Krisis kewangan yang melanda Asia pada sekitar tahun 1997 memberi impak yang besar terhadap senario politik di Malaysia. Krisis ekonomi ini mewujudkan perbalahan pendapat antara Anwar dan Dr. Mahathir.¹² Cadangan Anwar untuk

¹²Sewaktu berlakunya krisis ekonomi Asia pada tahun 1997, Anwar yang juga selaku Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia menyokong pelan pemulihan IMF sebagai strategi untuk keluar dari kemelesetan ekonomi. Beliau juga turut memperkenalkan dasar reformasi ekonomi, iaitu suatu pelan penjimatan perbelanjaan kerajaan sebanyak 18% termasuk memotong gaji menteri-menteri dan menanggungkan projek-projek utama kerajaan. Strategi-strategi Anwar ini mendapat tentangan daripada Dr. Mahathir yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Dr. Mahathir menyifatkan polisi IMF sebagai sebuah bentuk penjajahan baru kuasa Barat menerusi senjata ekonomi. Pergantungan kepada bantuan agensi antarabangsa ini membuatkan sesebuah negara itu semakin dibelenggu kemerosotan dan tekanan ekonomi. Kegagalan Anwar menangani krisis ekonomi menyebabkan Dr. Mahathir membawa semula bekas Menteri Kewangan, Daim Zainuddin sebagai pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). MTEN adalah sebuah badan khas yang





melakukan dasar reformasi ekonomi agar dapat keluar daripada belenggu krisis ekonomi telah ditolak oleh Dr. Mahathir. Menurut Liow (1999:46), punca tercetusnya krisis antara Mahathir dan Anwar adalah disebabkan oleh perbezaan strategi dalam memulihkan ekonomi. Anwar mencadangkan Malaysia menerima pelan pemulihan daripada IMF untuk keluar daripada belenggu krisis ekonomi, namun cadangan ini ditolak Dr. Mahathir. Beliau memperkenalkan strategi baru iaitu sistem kawalan mata wang asing dan kawalan ke atas bursa saham sebagai mekanisme pemulihan ekonomi. Sivamurugan Pandian (2005a:328) berpendapat krisis ekonomi 1997 memperlihatkan Anwar seolah-olah mahu menjatuhkan legasi kepimpinan Dr. Mahathir dengan mengukuhkan hubungan beliau dengan IMF dan kepimpinan Barat. Natijah daripada perbalahan ini, Anwar bukan sahaja dipecat daripada kabinet dan UMNO, malah turut dipenjara atas tuduhan rasuah dan liwat.¹³ Pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah menyebabkan munculnya satu dimensi baru dalam politik negara.¹⁴ Gelombang politik baru ini dilihat menonjol sewaktu penahanan Anwar Ibrahim. Ini kerana pelbagai lapisan masyarakat termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), golongan profesional dan pelajar mengecam tindakan kerajaan menahan Anwar Ibrahim sebagai melanggar hak asasi manusia.

bertindak mengatasi kegawatan ekonomi. Perbalahan Dr. Mahathir dan Anwar semakin meruncing apabila Zahid Hamidi, selaku ketua pemuda UMNO dan kuncu Anwar pada ketika itu, lantang menyuarakan amalan nepotisme, korupsi dan kronisme dalam pemerintahan Dr. Mahathir. Sebagai serangan balas terhadap tuduhan ini, Dr. Mahathir telah menyiarkan senarai penerima tender dan permit, yang turut melibatkan penglibatan kroni dan ahli keluarga Anwar Ibrahim dan Zahid Hamidi pada Perhimpunan Agung UMNO tahun 1998. Ekoran tuduhan liwat dan amalan rasuah, Anwar telah dipecat daripada kabinet dan UMNO serta ditahan atas kesalahan yang sama. Lihat perbincangan menarik dalam Milne & Mauzy (1999) dan Jomo K.S (2010).

¹³Anwar Ibrahim merupakan timbalan perdana menteri Malaysia pada tahun 1993 hingga 1998. Beliau juga pernah menjawat beberapa portfolio penting dalam kerajaan seperti Menteri Pertanian (1985), Menteri Pendidikan (1986) dan Menteri Kewangan (1990). Kerjaya politik Anwar bermula sewaktu beliau menuntut di Universiti Malaya, apabila beliau dilantik menjadi Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Pada tahun 1971, Anwar telah menubuhkan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang memperjuangkan prinsip-prinsip Islam dan keadilan sosial. Beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) sekitar tahun 1974. Pada tahun 1982, Anwar Ibrahim mengumumkan penyertaannya dalam UMNO. Kemasukan Anwar dalam UMNO telah membuka peluang padanya untuk menjawat jawatan penting dalam kabinet dan parti. Namun, krisis kegawatan ekonomi tahun 1997 telah mencetuskan perbalahan antara Dr. Mahathir dan Anwar hingga menyebabkan Anwar dipecat daripada kerajaan dan UMNO. Kini, beliau menjadi ketua umum Parti KeADILan Rakyat dan Ketua Pakatan Rakyat. Untuk perbincangan lanjut mengenai perjuangan reformasi Anwar Ibrahim, lihat tulisan Mohd Sayuti Omar (1998a) dan Muthasaran (2008).

¹⁴Politik Baru adalah istilah yang digunakan bagi menunjukkan perubahan dalam orientasi perjuangan politik yang tidak lagi berpaksikan kepada isu perkauman atau nasionalisme. Sebaliknya, politik baru lebih berorientasikan informasi, idea dan teknologi. Antara isu-isu penting yang diberi penekanan adalah tentang kepentingan isu kesejahteraan, keadilan dan hak asasi manusia. Lihat kupasan menarik oleh Friedman (2005) dan Saifuddin Abdullah (2008).





Ekoran peristiwa ini, Anwar telah menggerakkan reformasi politik dengan menentang amalan rasuah, nepotisme dan kronisme yang berleluasa dalam kerajaan. Isu penahanan Anwar serta kemelesetan ekonomi yang meruncing telah menyuntik semangat pelbagai lapisan masyarakat termasuklah golongan belia untuk mewujudkan gerakan reformasi bagi menegakkan keadilan, menuntut pembebasan Anwar Ibrahim dan mendesak perubahan dalam kebebasan dan hak asasi rakyat, serta penghapusan rasuah dan politik wang.

Gerakan reformasi ini telah menganjurkan siri demonstrasi di segenap pelusuk Malaysia bagi menuntut perubahan dan mengecam tindakan yang dilakukan oleh Mahathir ke atas Anwar. Gerakan ini memanfaatkan Sukan Komanwel ke-16 yang diadakan di Kuala Lumpur pada 20 September 2008 untuk melakukan demonstrasi bagi menarik perhatian dunia (Weiss 2006:1). Gerakan reformasi ini akhirnya dimanifestasikan dengan membentuk satu parti politik iaitu Parti Keadilan Nasional (KeADILan). Kesan gerakan reformasi ini dapat dilihat dalam pilihan raya umum 1999 apabila undi Barisan Nasional sedikit merosot berbanding pilihan raya 1995. Pada PRU 1999, BN hanya memperoleh 56.1% undi berbanding 65% undi dalam PRU 1995. Dalam PRU ini, pakatan pembangkang, Barisan Alternatif (BA) iaitu Parti KeADILan Nasional (KeADILan), Parti Islam Semalaysia (PAS), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) buat pertama kalinya mencapai peratusan undi yang meningkat. Misalnya, PAS mencapai prestasi yang baik dengan peratusan undi meningkat daripada 13.4% kepada 15% pada PRU 1999. Peratusan undi DAP juga menunjukkan peningkatan apabila parti ini berjaya memperoleh 12.5% undi pada PRU 1999 berbanding 11.15% pada PRU 1995. Secara keseluruhannya, Barisan Alternatif berjaya memenangi 45 daripada 193 kerusi parlimen yang dipertandingkan (Zakaria Haji Ahmad 2000: 9-10).

Antara faktor penyumbang kepada kemerosotan undi BN adalah disebabkan oleh ayunan sokongan orang Melayu dan pengundi muda kepada Barisan Alternatif (BA). Persoalannya, mengapa pengundi muda menyokong pembangkang? Terdapat beberapa sebab pengundi muda berpaling tadah daripada mengundi BN. Pertama, isu kezaliman ke atas Anwar Ibrahim mempengaruhi sebahagian besar pengundi kaum Melayu dan pengundi muda. Mereka tidak dapat menerima tindakan kerajaan dan



sistem kehakiman dalam mengendalikan kes Anwar yang melanggar hak asasi manusia. Oleh sebab itu, undi kepada BA adalah satu protes atau serangan balas pengundi muda untuk menuntut keadilan ke atas Anwar Ibrahim. Kedua, masalah sosioekonomi yang melanda ekoran daripada amalan rasuah, kronisme dan nepotisme dalam kerajaan menyebabkan pengundi muda berubah menyokong BA kerana menginginkan perubahan pentadbiran yang lebih telus dan adil. Ketiga, isu pilihan raya itu sendiri. Parti-parti pembangkang memprovokasi isu Anwar sebagai intipati kempen untuk menarik sokongan pengundi muda. Strategi ini berbeza dengan kempen BN yang lebih berusaha untuk memenuhi tuntutan dan sensitiviti golongan bukan Melayu kerana BN bergantung kepada undi golongan ini untuk menang (Kamarudin Jaffar 2000:19-27). Pengundi muda mempunyai idealisme dan aspirasi yang berbeza dengan golongan dewasa. Mereka lebih mementingkan isu-isu kesejagatan dan hak asasi manusia berbanding isu sentimen perkauman atau keagamaan. Lantas, provokasi isu Anwar yang dimainkan oleh parti-parti pembangkang dan gerakan reformasi lebih membangkitkan pemahaman politik dan sokongan orang muda kepada BA.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Apabila pemerintahan Dr. Mahathir diambil alih oleh Abdullah Ahmad Badawi, kepimpinan demokratik dan imej bersih yang ditonjolkan oleh Abdullah telah mempengaruhi pengundi muda untuk memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN). Apatah lagi penglibatan awal Abdullah sebagai Perdana Menteri turut menjanjikan insentif ekonomi dan masa depan yang lebih baik kepada golongan muda. Malah, sikap beliau yang mentadbir secara telus dan berusaha memerangi gejala rasuah yang berleluasa mendapat pujian masyarakat. Hasilnya, keputusan pilihan raya umum ke-11 menyaksikan BN menang besar dengan mencapai kenaikan undi sebanyak 63.9% berbanding 56.1% pada PRU 1999. Namun begitu, setelah beberapa waktu memerintah janji Abdullah hanyalah sekadar retorik sahaja. Keadaan ekonomi semakin buruk menyebabkan kenaikan kos hidup dan harga barangan yang membebankan rakyat. Ketidakecapan dan kelemahan Abdullah untuk memajukan negara semakin terserlah apabila beliau gagal untuk membanteras amalan korupsi, kronisme dan nepotisme dalam pentadbirannya. Nyata, hal ini telah membangkitkan kemarahan rakyat hingga munculnya protes rakyat yang dikenali sebagai



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



‘Perhimpunan Bersih’ atau ‘Gelombang Kuning’.¹⁵ Perhimpunan rakyat besar-besaran ini memberi impak besar dalam politik Malaysia. Ruhanie Ahmad (2009: 25-28) menyatakan antara impak gelombang rakyat ini adalah peningkatan kesedaran dan pemahaman masyarakat terhadap kuasa dan fungsi Yang di-Pertuan Agong di mana pihak istana dilihat sebagai orang tengah dalam menyelesaikan kemelut antara puak-puak politik yang berpecah. Di samping itu, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) juga berusaha untuk mengendalikan perjalanan pilihan raya dengan telus dan adil bagi mengembalikan semula keyakinan rakyat.

Dalam PRU 2008, kuasa politik BN semakin luntur apabila tercetusnya ‘tsunami politik’.¹⁶ Keputusan PRU 2008 memperlihatkan BN hanya memperolehi 50.27% berbanding 63.9% undi pada PRU 2004. Keputusan PRU ini menunjukkan penurunan sokongan generasi muda kepada BN. Antara sebab utama generasi muda memihak kepada pembangkang adalah kerana kegagalan strategi BN untuk menarik sokongan generasi muda. Strategi politik pembangunan yang menjadi asas manifesto BN tidak lagi relevan kepada generasi muda. Golongan ini lebih mementingkan isu-isu demokrasi, tadbir urus yang baik, hak asasi dan kesejahteraan. Menurut Zubaidah Abu Bakar (2009:16), generasi muda cenderung memilih Pakatan Rakyat (PR) kerana mereka mempunyai pandangan yang lebih liberal mengenai demokrasi dan kurang memberi keutamaan kepada politik berasaskan kaum. Isu-isu lain seperti masalah kepimpinan Abdullah, kemelesetan ekonomi, gejala sosial, rasuah dan kewujudan

¹⁵Perhimpunan Bersih telah diadakan pada 10 November 2007 di Dataran Merdeka. Ia bertujuan untuk mengemukakan memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong menuntut supaya SPR mengendalikan pilihan raya umum dengan lebih adil, bebas dan telus. Perhimpunan ini dianjurkan oleh Bersih iaitu gabungan Pertubuhan Suara Rakyat Malaysia (Suaram), Women’s Development Collective (WDC) dan Writers Alliance for Media Independence (WAMI). Perhimpunan Bersih ini turut disertai oleh pemimpin parti-parti pembangkang termasuklah Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang dan Abdul Hadi Awang, badan-badan bukan kerajaan serta ribuan rakyat Malaysia (dianggarkan seramai 60,000). Mereka berkumpul dan berjalan kaki secara aman bagi menyerahkan memorandum tersebut kepada wakil Agong. Gelombang kuning adalah sinonim dengan perhimpunan bersih kerana kebanyakan peserta yang terlibat memakai baju berwarna kuning sebagai simbolik sokongan mereka terhadap gerakan menuntut keadilan dalam pilihan raya. Namun, kekecohan timbul apabila pihak polis bertindak menembur air dan gas pemedih mata bagi meleraikan perhimpunan ini kerana ia tidak mendapat permit daripada pihak berkuasa. Natiujahnya, Mohamad Sabu (PAS) dan Tian Chua (keADILan) telah ditangkap kerana dipercayai menjadi penggerak utama dalam perhimpunan haram ini. Lihat kupasan menarik oleh Muthasran (2008) dan Ruhanie Ahmad (2009).

¹⁶Tsunami politik adalah istilah yang digunakan oleh penganalisis politik bagi menunjukkan kekalahan teruk dan kemerosotan undian Barisan Nasional dalam pilihan raya 2008 sehingga menyebabkan BN kehilangan dua pertiga majoriti di Parlimen. Bahkan, BN juga gagal mempertahankan empat negeri iaitu Selangor, Kedah, Perak, dan Pulau Pinang. Malah, BN juga gagal merampas kembali negeri Kelantan yang berada di bawah pentadbiran kerajaan PAS sejak tahun 1990.





siber politik adalah faktor-faktor pendorong kepada generasi muda untuk membuang undi kepada PR.

Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai beberapa permasalahan yang hendak diselidiki berkaitan dengan penglibatan politik pengundi muda dalam politik Malaysia. Pertama, bagaimanakah bentuk penglibatan anak muda dari era reformasi hingga ke tsunami politik? Hal ini menarik untuk diselidiki kerana ianya akan memberi gambaran jelas mengenai perubahan dalam peranan dan sikap golongan muda yang sering dibincangkan oleh beberapa sarjana seperti Hussain Mohamed (1986) dan Roff (1987). Realitinya, golongan muda memainkan peranan yang besar dalam pembangunan politik Malaysia sejak dari zaman pra kemerdekaan lagi. Golongan ini berjuang menuntut kemerdekaan, memperbaiki kemajuan sosioekonomi masyarakat dan menjadi penggerak kepada proses pendemokrasian di negara ini. Seperti yang dikaji Muhammad Faour (1998), golongan muda adalah komponen masyarakat yang dilihat sebagai asas kepada perubahan sosial, pemacu kepada revolusi serta reformasi demokratik. Jika memang golongan muda memainkan peranan penting dalam pembangunan politik Malaysia, siapakah aktor yang bertanggungjawab menggerakkannya? Adakah kelompok pemuda dalam parti-parti politik, gerakan pelajar, kumpulan masyarakat sivil atau individu yang sudah tidak tahan dengan keadaan bukan demokrasi di negara ini? Melihatkan kepada kemelut politik yang melanda Timur Tengah ketika ini vis-a-vis gerakan reformasi pada tahun 1998 di Malaysia, terdapat persamaan dan perbezaan yang dapat dikenalpasti iaitu jentera penggerak utama yang membangkitkan revolusi di Timur Tengah dan reformasi politik 1998 adalah golongan muda. Golongan ini menuntut sistem pemerintahan yang lebih demokratik, adil dan bebas. Bezanya, protes rakyat di Timur Tengah ini berlaku secara spontan. Ia diatur oleh golongan muda yang tidak diwakili oleh mana-mana organisasi politik. Parti pembangkang tidak mempengaruhi golongan muda dan mereka hanya terlibat sewaktu protes itu berlangsung. Di Malaysia, gerakan reformasi rakyat dipengaruhi oleh ketua pembangkang iaitu Anwar Ibrahim. Beliau telah meniupkan semangat reformasi kepada generasi muda dengan menentang praktik rasuah, kronisme dan nepotisme dalam kerajaan, sekali gus berjaya menyuntik kesedaran politik dalam diri anak muda untuk melibatkan diri dalam kegiatan politik.





Sehubungan dengan pertanyaan di atas, muncul persoalan lain yang mesti juga dibahas dalam tesis ini iaitu apakah faktor-faktor yang mempengaruhi sikap politik sehingga teretusnya tsunami politik? Adakah perubahan dalam partisipasi politik pengundi muda pada era tsunami politik ini dipengaruhi oleh keadaan sosioekonomi masyarakat, perkembangan politik semasa, pemerintahan autokratik atau wujud faktor-faktor lain? Jika merujuk kepada analisis Larson (2004) dan Zukin et.al (2006), faktor utama yang menentukan partisipasi politik golongan muda adalah kebangkitan media baru iaitu internet. Kebanyakan generasi muda lebih memilih media baru sebagai sumber informasi berbanding media arus perdana. Kepercayaan maklumat yang diterima daripada media adalah penting kerana ia menjadi asas dalam pembuatan keputusan. Mengapa pengundi muda lebih mempercayai media baru daripada media arus perdana? Dan bagaimana cara media baru ini memberi kesedaran politik kepada anak muda di Malaysia?

Akhirnya, persoalan ketiga yang hendak diselidiki dalam kajian ini adalah impak penglibatan pengundi muda ke atas politik di Malaysia? Adakah penglibatan golongan muda ini melahirkan sebuah rejim pemerintahan yang semakin demokratik atau lebih autokratik? Bagaimana pula dengan reaksi kerajaan? Adakah penglibatan mereka ini menerima reaksi positif dari kerajaan? Jika ya, apakah perubahan-perubahan yang telah dilakukan kerajaan? Jika merujuk kepada kajian Crouch (1996), kerajaan pemerintah menggunakan gabungan penindasan dan responsif sebagai tindak balas terhadap tuntutan golongan muda di Malaysia. Kerajaan akan mengambil kira tuntutan mereka bagi menjamin sokongan masa panjang untuk memenangi pilihan raya dan mengekalkan kuasa. Tetapi, permintaan yang dipenuhi adalah sedikit dan sangat terhad.

Penyelidikan ini menumpukan perhatian pada partisipasi politik pengundi muda sewaktu berlakunya gelombang reformasi pada tahun 1998 sehingga berlakunya tsunami politik pada tahun 2008 dengan melihat kepada perubahan partisipasi politik pengundi muda, faktor-faktor yang mempengaruhinya dan impak penglibatan golongan ini dalam politik di Malaysia. Sesuai dengan fokusnya, maka andaian yang dibangun dalam tesis ini adalah golongan muda memainkan peranan penting dalam mengubah lanskap politik di Malaysia dari autokratik kepada yang lebih demokratik.





1.3 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini menyelidiki partisipasi politik pengundi muda di Malaysia. Oleh itu, isu penting yang menjadi fokus utama tesis ini adalah untuk mengkaji pola penglibatan politik pengundi muda, faktor-faktor yang mempengaruhi sikap politik mereka dan impak penglibatan golongan muda dari era reformasi tahun 1998 hingga tsunami politik tahun 2008.

Secara lebih khusus, seperti diuraikan sebelumnya, terdapat tiga persoalan penelitian yang diselidiki dalam tesis ini, iaitu:

- i. Bagaimana bentuk penglibatan politik anak muda dari era reformasi hingga ke tsunami politik?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi sikap politik pengundi muda sehingga tercetusnya tsunami politik?
- iii. Sejauh manakah impak penglibatan pengundi muda ke atas politik di Malaysia?

Kesemua persoalan di atas berpaksi pada sebuah andaian bahawa golongan muda memainkan peranan besar dalam mencorakkan lanskap politik Malaysia. Maka, tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menganalisis bentuk penglibatan pengundi muda dalam politik dari era reformasi hingga ke tsunami politik.
- ii. Mengkaji faktor yang mempengaruhi sikap politik pengundi muda sehingga tercetusnya tsunami politik.
- iii. Menilai impak penglibatan pengundi muda ke atas politik di Malaysia.

1.4 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan analisisnya kepada partisipasi politik pengundi muda Malaysia sewaktu gerakan reformasi tahun 1998 sehingga ke PRU tahun 2008. Pemilihan tempoh waktu ini dan pengundi muda sebagai objek kajian adalah atas





pertimbangan berikut: Pertama, tempoh waktu gerakan reformasi 1998 sehingga pasca PRU 2008 adalah rentang tempoh di mana berlakunya kemelut politik yang besar selepas rusuhan kaum pada tahun 1969 sehingga mencetuskan kebangkitan pengundi muda yang sangat luar biasa jika dibandingkan dengan penglibatan mereka sewaktu kemerdekaan sehingga era 1980-an. Krisis kewangan Asia pada tahun 1997 ditambah lagi dengan isu pemecatan dan penahanan Anwar Ibrahim telah mendorong golongan muda untuk terlibat sama dalam gerakan reformasi bagi menentang kerajaan Dr. Mahathir. Gelombang kebangkitan pengundi muda ini memberi impak terhadap PRU 1999 di mana sokongan golongan muda kepada BN sedikit merosot, walaubagaimanapun tidak menghasilkan gelombang 'tsunami politik' seperti mana dalam PRU 2008. Ia terjadi kerana isu kezaliman ke atas Anwar Ibrahim, masalah sosioekonomi yang melanda ekoran daripada amalan rasuah, kronisme dan nepotisme. Rentang waktu ini turut menunjukkan berlakunya perubahan dalam corak politik pengundi muda daripada politik yang berbaur perkauman kepada gerakan memperjuangkan hak asasi dan isu kesejahteraan.



Dalam konteks pilihan raya pula, jangka masa di antara PRU 2004 hingga

2008 juga menyaksikan peratusan pengundi muda yang berdaftar dan keluar mengundi melonjak sekaligus memberikan kemenangan besar kepada parti pembangkang. PR memenangi 82 daripada 222 jumlah keseluruhan kerusi yang dipertandingkan untuk menafikan kemenangan dua pertiga majoriti BN dalam parlimen. Manakala BN hanya memperolehi 140 kerusi berbanding dengan 198 kerusi yang dimenangnya dalam PRU 2004. Faktor utama penurunan undi BN adalah kerana penolakan generasi muda terhadap BN. Mengapa anak muda berpaling tadah dari BN? Bagi menjawab persoalan ini, maka waktu bermula dari gerakan reformasi 1998 diambil sebagai asas penumpuan analisis kajian ini. Persoalan yang hendak dilihat ialah bagaimana pola penglibatan pengundi dalam politik Malaysia dari era reformasi sehingga ke tsunami politik dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Kedua, kajian ini difokuskan kepada pengundi muda kerana hasil penelitian mendapati masih sedikit penyelidikan ilmiah yang dilakukan mengenai penglibatan pengundi muda dalam politik Malaysia. Kajian ilmiah yang ditulis mengenai





pengundi muda Malaysia yang ada hanyalah setakat yang dilakukan oleh Roff (1987), Mohammad Redzuan, Amer Saifude & Zulkanain (2009), Saifuddin Abdullah (2009) dan Noor Sulastry Yurni (2010), namun penyelidikan mereka tidak dilakukan secara terperinci dan komprehensif untuk tujuan memahami perubahan dalam partisipasi politik pengundi muda. Selain itu, kajian ini ditumpukan kepada golongan muda kerana keupayaan mereka untuk menentukan jatuh bangun sesebuah parti politik dan mempengaruhi keputusan pilihan raya di Malaysia. Misalnya, salah satu faktor yang menyumbang kepada kegagalan BN mempertahankan majoriti dua pertiga dalam Parlimen adalah disebabkan oleh pengundi muda. Golongan muda juga dipilih sebagai objek kajian kerana penglibatan politik mereka mampu mencetuskan perubahan dalam lanskap politik sekali gus memberi impak yang besar terhadap proses pendemokrasian di Malaysia.

Pengundi muda yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah golongan muda berusia 21 tahun hingga 40 tahun, yang menuntut perubahan politik dengan melibatkan diri secara langsung sebagai pengundi dalam pilihan raya. Selain itu, fokus kajian ini adalah bersifat makro dengan lebih menumpukan kepada partisipasi politik pengundi muda di Malaysia, berbanding dengan kajian sebelum ini yang lebih bersifat mikro, dengan melihat kepada penglibatan dan kesedaran pengundi muda di sesebuah negeri, kawasan atau satu pilihan raya sahaja.

Merujuk kepada huraian skop kajian di atas, maka dapatlah dirumuskan bahawa skop kajian ini meliputi tempoh masa sekitar era reformasi politik pada tahun 1998 sehingga pada PRU ke-12. Namun, ini tidak bermakna dinamika perkembangan politik golongan muda sebelumnya tidak dibahas dalam kajian ini. Kajian historikal mengenai pola penglibatan politik golongan muda sebelum dan selepas kemerdekaan juga turut dibincangkan supaya gambaran dan kerangka historis yang jelas dapat dihuraikan.

1.5 ANALISIS KONSEPSUAL: PARTISIPASI POLITIK DAN TINGKAH LAKU PENGUNDI

Tesis ini menggunakan analisis konseptual partisipasi politik dan tingkah laku pengundi dalam pilihan raya. Terdapat tiga sebab yang mendasari penggunaan dua





konsep ini. Pertama, kajian ini mengkaji pola penglibatan pengundi muda dalam politik Malaysia dengan memfokuskan kepada kebangkitan kuasa mereka sewaktu gerakan reformasi 1998 sehingga ke PRU 2008. Kebangkitan kuasa pengundi muda inilah yang mencetuskan tsunami politik hingga mengubah secara total lanskap politik Malaysia. Oleh sebab itu, pokok persoalan yang cuba dibahaskan dalam bahagian ini berkisar mengenai apakah yang dimaksudkan dengan partisipasi politik? Apakah ciri-ciri atau bentuk partisipasi politik? Konsep ini juga digunakan bagi melihat bagaimana golongan muda Malaysia berpartisipasi dalam politik? Dan adakah bentuk partisipasi politik golongan belia di negara-negara lain sama dengan bentuk di Malaysia? Hal ini penting untuk diteliti kerana pembabitan pengundi muda dalam proses politik penting bagi menyubur dan memamatkan praktis demokrasi di negara ini.

Kedua, kajian ini turut membahaskan mengenai teori tingkah laku pengundi. Ia bertujuan untuk meneliti sebab-sebab utama yang diambil kira oleh pengundi sebelum mengundi sesebuah parti atau calon politik. Antara aspek yang dibincangkan ialah teori tingkah laku pengundi dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Apakah pendekatan yang paling relevan untuk mengkaji tingkah laku politik pengundi muda di Malaysia? Adakah pendekatan sosiologikal, identifikasi parti atau pilihan rasional?

Ketiga, kedua-dua konsep dalam kajian ini dipilih bertujuan untuk melihat hubungan kait di antara partisipasi politik dan tingkah laku pengundi muda di Malaysia. Dalam konteks Malaysia, semua sebab yang dinyatakan adalah relevan kerana konsep partisipasi politik adalah mekanisme terbaik untuk menilai tahap dan bentuk penglibatan pengundi muda dalam politik Malaysia. Dalam masa yang sama, penggunaan pendekatan tingkah laku pengundi berupaya untuk menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan undi pengundi muda dalam pilihan raya.

Sehubungan itu, perbincangan bahagian ini disusun secara sistematik mengikut kronologi berikut: membincangkan secara mendalam konsep partisipasi politik, konsep tingkah laku pengundi serta hubungan di antara partisipasi politik dan tingkah laku pengundi. Seterusnya, bab ini membincangkan kerangka penyelidikan yang pengkaji bangunkan bagi menjawab persoalan tesis ini.





1.5.1 Analisis Konsep Partisipasi Politik

Dalam sistem politik demokrasi, setiap anggota masyarakat mempunyai hak untuk memilih wakil-wakil mereka menduduki badan legislatif bagi mempengaruhi keputusan politik negara. Keterlibatan mereka dalam politik adalah barometer dalam mengukur tahap kematangan demokrasi sesebuah negara. Jika dilihat tahap penglibatan politik masyarakat di negara maju seperti Amerika, Eropah dan Jepun, ia menunjukkan tahap penglibatan yang menurun berbanding dengan negara sedang membangun. Antara faktor yang mendorong kepada penurunan ini adalah kerana penyusutan kadar populasi di negara maju, keadaan sosioekonomi dan politik yang stabil, hak dan kebebasan berpolitik yang luas serta sikap apati pengundi terhadap pilihan raya (Dalton 2006:8). Manakala di negara sedang membangun, populasi penduduk yang semakin meningkat, praktis demokrasi yang terhad di bawah rejim pemerintahan yang autokratik, ditambah pula dengan masalah sosioekonomi yang tidak stabil menyebabkan kesedaran masyarakat untuk memperbaiki kehidupan semakin tinggi. Maka, masyarakat mula menggunakan saluran politik yang sedia ada seperti mengundi, menjadi calon pemimpin, media baru dan berdemonstrasi bagi mempertahankan hak dan keperluan mereka.

Dari segi etimologi, istilah partisipasi berasal daripada perkataan Latin *pars* yang bermakna bahagian dan *capere* iaitu mengambil. Maka, partisipasi membawa maksud mengambil bahagian atau menceburkan diri dalam sesuatu aktiviti. Dari segi sejarah, konsep partisipasi politik bermula sejak zaman Greek dan ia berkembang sejajar dengan tradisi pemikiran barat. Ahli falsafah Greek yang terkenal, Aristotle (384-332 SM) telah membincangkan konsep partisipasi dalam konteks kehidupan bermasyarakat. Aristotle percaya bahawa ikatan komuniti antara manusia adalah landasan kepada pembentukan negara. Kewujudan negara sebagai institusi tertinggi pula berupaya memelihara kepentingan dan membawa keadilan kepada masyarakat. Oleh itu, partisipasi politik versi Aristotle lebih menumpukan kepada prinsip kekitaan di mana warganegara mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang berkaitan dengan pemeliharaan komuniti, undang-undang dan keadilan (Mulgan





1990:195).¹⁷ Maksudnya, partisipasi politik ini mencetuskan satu kesedaran kepada warganegara untuk menerima manfaat sebagai balasan daripada aktiviti awam yang disertainya. Hujah Aristotle disanggah oleh Epicurus (342-270 SM), seorang ahli falsafah klasikal Greek yang menekankan doktrin hedonistic (matlamat utama kehidupan manusia adalah untuk mencapai keseronokan semata-mata) kepada para pengikutnya. Bagi Epicurus, penglibatan dalam politik adalah sia-sia bahkan boleh menimbulkan kekacauan kerana masa ini sepatutnya digunakan oleh rakyat untuk mencari keseronokan dan kesenangan hidup. Justeru, Epicurus percaya bahawa hanya sistem pemerintahan monarki sahaja yang boleh melaksanakan tugas dan kuasa pemerintahan agar keseronokan rakyat boleh dipenuhi (Harmon 1964:77).

Legasi pemikiran ini kemudiannya dikembangkan oleh ahli falsafah politik klasik yang lain seperti Cicero (106-43 SM), Marsilius of Padua (1280-1342) dan sebagainya. Marsilius dalam karya agungnya *Defender of the Peace* berhujah legitimasi sesebuah kerajaan dan pembentukan undang-undang terletak kepada keputusan majoriti rakyatnya atau lebih dikenali sebagai *weightier part*. Konsep *weightier part* ini dilihat menyerupai prinsip demokrasi di mana ia mengambil kira pandangan secara kolektif dalam membuat sebarang keputusan politik. Meskipun Marsilius mengakui manusia mempunyai keupayaan politik yang berbeza, namun rakyat mempunyai hak untuk berpartisipasi dan menentukan pemimpin yang boleh memikul tanggungjawab dalam memelihara kepentingan mereka. Justeru, dalam sesebuah negara, krisis partisipasi tidak dapat dielakkan kerana ia dilihat sebagai pergelutan untuk merebut kuasa, hak dan kawalan (Gewirth 1967:4). Bagi Cicero, manusia dianugerahi akal dan fikiran untuk memahami *natural law* dan menyelesaikan masalah yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, manusia perlu

¹⁷Aristotle merupakan anak didik kepada ahli falsafah Greek yang terkenal iaitu Plato. Hasil karya Aristotle seperti *Nicomachean Ethics* dan *Politics* banyak mempengaruhi aliran pemikiran barat. Beliau pernah berhujah bahawa manusia adalah *political animals*, iaitu bermaksud manusia adalah haiwan yang dianugerahi dengan akal dan kemahiran berkomunikasi, yang memungkinkannya untuk berfikir dan mengekspresikan diri bagi mencapai kesempurnaan diri. Selain itu, Aristotle turut mengemukakan pembahagian sistem politik seperti demokrasi, republik dan monarki yang masih lagi diguna pakai hingga ke hari ini. Aristotle telah mengemukakan dua bentuk partisipasi: pertama, *metechein* yang bermaksud “untuk memegang atau mempunyai sesuatu yang sama”, di mana komuniti perlu mempunyai matlamat dan hala tuju yang sama bagi membentuk sebuah negara yang sempurna. Justeru, bagi merealisasikan matlamat ini, komuniti perlu mempunyai *koinonein* iaitu “untuk bersekutu, berkomunikasi dan berkongsi di antara satu sama lain”. Lihat Barker (1962) dan Mulgan (1990) untuk perbincangan lanjut mengenai hal ini.





diberi hak yang adil dan sama rata untuk berkongsi kuasa politik. Partisipasi politik dalam takrifan Cicero adalah tindakan masyarakat untuk mencapai kebaikan dan kepentingan bersama untuk mewujudkan satu ikatan (kontrak sosial) dalam *the Commonwealth*.¹⁸

Perbincangan mengenai konsep ini dilanjutkan lagi kemudiannya oleh John Locke, Jean Jacques Rousseau dan John Stuart Mill. Locke merumuskan partisipasi dalam ekonomi adalah syarat utama bagi partisipasi dalam politik. Faktor material (kebendaan) telah mendorong kelompok masyarakat untuk melibatkan diri dalam politik demi melindungi harta dan kepentingan mereka. Atas dasar ini, masyarakat bertindak memberi kepercayaan kepada badan legislatif untuk mentadbir urus dan menggubal undang-undang dalam *the Commonwealth*. Namun begitu, Locke menyatakan masyarakat mempunyai hak untuk memberontak sekiranya kerajaan mengkhianati kepercayaan yang telah mereka berikan (Laslett 1960:135).

Konsep partisipasi politik versi Rousseau pula berbeza dengan Locke. Rousseau menyatakan kebebasan dan keabsahan dapat direalisasikan apabila masyarakat menggubal undang-undang mereka sendiri dengan berpartisipasi sebagai warganegara. Ini kerana individu dalam sesebuah komuniti memainkan dua peranan penting. Pertama, sebagai warganegara, apabila individu menggunakan kedaulatan mereka dalam menentukan polisi awam. Kedua, sebagai subjek, apabila individu menurut polisi dan undang-undang yang telah ditentukan (Harmon 1964:306). Maka, individu berhak berpartisipasi bagi memastikan kepentingan masyarakat secara keseluruhannya terjamin.

¹⁸Istilah *the Commonwealth* merujuk kepada sebuah komuniti atau kumpulan masyarakat yang mandiri, ditubuhkan untuk memperoleh, memelihara serta melindungi kepentingan awam. Takrifan istilah ini adalah berbeza di antara ahli-ahli falsafah. Misalnya, Cicero menganggap *the Commonwealth* sebagai satu struktur sosial merangkumi masyarakat sejagat yang saling terikat dengan satu kontrak sosial. Bagi Hobbes, *Commonwealth* wujud melalui dua cara: pertama, melalui institusi. Ia berlaku apabila seluruh masyarakat bersetuju memberikan hak kepada seseorang atau sekumpulan wakil untuk memimpin mereka. Kedua, *Commonwealth* wujud apabila manusia mengambil hak dan kedaulatan untuk memerintah masyarakat melalui kekerasan atau paksaan. Manakala, Locke berhujah bahawa *Commonwealth* dicipta oleh majoriti masyarakat. Oleh itu, seluruh ahli masyarakat ini mempunyai hak untuk menggubal, melaksana dan menguatkuasakan undang-undang melalui badan legislatif yang telah dilantik mewakili mereka. Lihat perbincangan lanjut mengenai isu ini oleh Gough (1946) dan Laslett (1965).





Pandangan Rousseau ini selari dengan konsep partisipasi politik yang dikemukakan oleh Mill. Mill berpendapat partisipasi politik merupakan instrumen penting untuk melindungi kebebasan masyarakat, kepentingan ekonomi dan mewujudkan sistem kerajaan yang efektif. Menurut Mill lagi, dengan mengambil bahagian dalam proses politik, seseorang individu itu lebih memahami bahawa kepentingan peribadinya berkait rapat dengan keperluan masyarakat lain (Mill 1960:186). Justeru, individu akan sedia untuk berkompromi, bertoleransi dan mengabaikan kepentingan peribadinya demi mencapai kesepakatan dalam pembuatan keputusan.

Dalam perkembangan selanjutnya, terdapat pelbagai tafsiran berbeza mengenai konsep partisipasi politik oleh para sarjana. Tafsiran ini berdasarkan kepada tindakan atau aktiviti yang dilakukan oleh warganegara untuk mempengaruhi keputusan politik. Verba & Nie (1972:2) mentakrifkan partisipasi politik sebagai “...to those legal acts by private citizens that are more or less directly aimed at influencing the selection of governmental personnel and/or the actions that they take.” Definisi Verba & Nie menunjukkan warganegara bertindak melibatkan diri dalam aktiviti dalam sistem yang boleh mempengaruhi proses pemilihan wakil-wakil kerajaan dan polisi yang bakal digubal. Melalui penyertaan politik, warganegara dapat memastikan kepentingan mereka terjamin dan kehendak dipenuhi oleh wakil-wakil pemimpin ini. Menurut Verba & Nie lagi (1972:1), demokrasi akan subur sekiranya lebih ramai masyarakat terlibat dalam pembentukan keputusan. Sebaliknya, jika masyarakat kurang melibatkan diri dalam politik, maka praktis demokrasi tidak berkembang.

Hujah Verba & Nie turut disokong oleh McClosky (1968:252), yang mendefinisikan partisipasi politik sebagai kegiatan-kegiatan sukarela warga masyarakat dengan cara mengambil bahagian dalam proses pemilihan pemimpin sama ada secara langsung atau tidak langsung, untuk menentukan pembentukan polisi awam. Kelebihan hujah Mc Closky terletak pada kemampuannya untuk memperincikan bentuk konvensional penglibatan warganegara dalam politik. Menurut Mc Closky, aktiviti sukarela warga masyarakat ini termasuklah mengundi, mencari maklumat, menghadiri mesyuarat, memberi sumbangan kewangan dan berkomunikasi dengan perwakilan. Selain itu, bentuk partisipasi yang lebih aktif





adalah seperti melibatkan diri dalam parti, mendaftar sebagai pengundi, berkempen dan bersaing merebut jawatan dalam parti. Walau bagaimanapun, tafsiran partisipasi politik oleh sarjana di atas sangat sempit dan terbatas. Mereka tidak memfokuskan kepada bentuk bukan konvensional seperti ketidakakuran awam dan keganasan politik sebagai saluran untuk mempengaruhi keputusan dan tindakan kerajaan.

Oleh itu, tafsiran ini telah diperkembangkan lagi oleh Parry, Moyser & Day (1992), Barnes & Kaase (1979), Norris (2002) dan Lam Wai-Man (2003)—yang menekankan masyarakat bukan sahaja boleh mempengaruhi keputusan politik menerusi kegiatan konvensional atau saluran sah yang sering digunakan dalam sistem politik, tetapi mereka juga boleh menggunakan kaedah bukan konvensional seperti protes, rusuhan dan keganasan awam. Bagi Parry, Moyser & Day (1992:1), partisipasi politik adalah *"Actions by citizens which is aimed at influencing decision which are in most cases ultimately taken by public representatives and officials."* Parry, Moyser & Day melihat tindakan warganegara melibatkan diri dalam politik sama ada secara konvensional atau bukan konvensional mampu mempengaruhi keputusan wakil-wakil politik dan kerajaan.

Barnes & Kaase (1979:42) pula mentakrifkan partisipasi politik sebagai aktiviti-aktiviti sukarela yang dilakukan oleh warganegara dengan niat untuk mempengaruhi pilihan politik dalam pelbagai peringkat sistem politik sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dalam kajian mereka, wujud dua bentuk partisipasi politik iaitu kegiatan konvensional dan bukan konvensional.¹⁹ Kegiatan konvensional meliputi aktiviti seperti prihatin terhadap isu-isu politik, terlibat dalam diskusi politik, mempunyai hubungan baik dengan pemimpin dan keluar mengundi dalam pilihan raya. Individu juga cenderung untuk melibatkan diri dalam kegiatan bukan

¹⁹Bentuk institusi atau politik konvensional ialah cabang aktiviti yang biasa dalam negara demokrasi, yang boleh disertai oleh masyarakat bagi memelihara kepentingan awam. Contohnya, penglibatan belia dalam mengundi atau pilihan raya, kempen politik, menganggotai pertubuhan atau gerakan belia dan terlibat dalam proses pembuatan keputusan melalui forum, parlimen dan majlis belia.

Bentuk bukan konvensional pula ialah protes, demonstrasi, boikot, serangan politik, mogok dan sekatan jalan. Menurut Dalton (1988:67), bentuk-bentuk ini adalah sebahagian daripada proses demokrasi yang penting. Ia berlaku apabila masyarakat disekat daripada menggunakan pengaruh politik melalui saluran-saluran penyertaan berinstitusi atau konvensional. Penyertaan masyarakat yang berorientasikan tindakan ini meliputi skop aktiviti yang luas, termasuklah penglibatan aktif dalam organisasi atau badan bukan kerajaan yang mempertahankan hak sivil, parti pembangkang, petisyen, revolusi dan sebagainya. Beberapa bentuk kegiatan bukan konvensional ini tidak semestinya sah.



konvensional seperti petisyen, demonstrasi, boikot, vandalisme dan keganasan personal dalam usaha memperbaiki keadaan politik. Mereka melihat situasi ketidakakuran awam (civil disobedience) yang berlaku di lima negara demokrasi iaitu Austria, Britain, Netherlands, Amerika dan Jerman Barat sebagai satu bentuk partisipasi yang menjurus kepada protes politik. Ketidakakuran awam ini sering kali berlaku apabila masyarakat tidak berpuas hati terhadap situasi ekonomi serta tadbir urus politik yang terlalu membebankan rakyat.

Hujah Barnes & Kaase (1979) ini turut dipersetujui oleh Norris (2002). Kata beliau;

"...multiple forms of civic engagement may have emerged in modern societies to supplement traditional modes. Political participation appears to have evolved and diversified over the years, in terms of agencies (collective organizations), repertoires (the action commonly used for political expression) and targets (the political actors that participants seek to influence." (Norris 2002:1).

Petikan di atas menunjukkan perkembangan bentuk partisipasi politik daripada bentuk tradisional (seperti mengundi, berkempen, memegang jawatan, menghadiri mesyuarat dan sebagainya) kepada bentuk moden atau bukan konvensional (seperti mengemukakan petisyen, membentuk jaringan sokongan hingga menjatuhkan pemimpin atau parti politik, protes dan bantahan) adalah sejajar dengan peredaran zaman, pengaruh globalisasi dan media baru yang menyebabkan masyarakat matang dalam membuat penilaian terhadap polisi dan tindakan kerajaan. Hal ini selari dengan hujah Lam Wai-Man (2003:491):

"Political participation refers to lawful or unlawful activities of support, making demands, debates, and other forms of expressions communicated verbally through the media. Acts of political participation also include political activities that are targeted at private institutions, such as university administrations and business, and that they are designed to pose challenges to existing rules, norms and practices".

Lam Wai-Man menghujahkan definisi partisipasi politik dengan lebih terperinci di mana partisipasi politik adalah kegiatan sah disisi undang-undang dan kegiatan yang menyalahi undang-undang yang boleh berlaku secara verbal iaitu



menerusi penggunaan media. Beliau turut menegaskan pembabitan institusi swasta seperti pentadbiran universiti dan perniagaan mampu untuk mencabar *status quo* yang telah sedia ada. Dengan erti kata lain, masyarakat dan institusi swasta saling bergantung atau bekerjasama untuk mempengaruhi dan mengawal tindakan kerajaan.

Kajian Booth & Seligson (1978) berbeza dengan definisi Lam Wai-Man. Booth & Seligson (1978:6) melihat partisipasi dari perspektif ekonomi di mana penglibatan masyarakat dalam politik berupaya untuk mempengaruhi pembahagian barangan dan perkhidmatan awam. Barangan dan perkhidmatan awam ini merujuk kepada jalan raya, sekolah, pusat kesihatan dan pelbagai lagi perkhidmatan yang seharusnya disediakan oleh kerajaan untuk kemudahan masyarakat. Misalnya pembabitan buruh dalam mogok atau piket menentang pihak pengurusan dan kerjasama di antara kejiranan untuk memperbaiki kemudahan awam boleh dikategorikan sebagai partisipasi politik. Definisi Booth & Seligson ini, menekankan material sebagai faktor yang mendorong warganegara untuk mempengaruhi keputusan kerajaan tidak hanya menerusi penglibatan mereka dalam kegiatan politik, tetapi juga pembabitan dalam aktiviti kemasyarakatan dan organisasi swasta.

Selepas membincangkan definisi konsep partisipasi politik, muncul persoalan lain yang perlu difahami, iaitu apakah bentuk atau ciri-ciri partisipasi politik? Terdapat beberapa sarjana seperti Almond & Verba (1963), Milbrath (1965) dan Rush & Althoff (1971) yang telah mengemukakan ciri-ciri partisipasi politik. Almond & Verba (1963) dalam tulisan mereka *Civic Culture* mengumpul dan mengkodifikasi secara sistematik pembolehubah bagi mengukur partisipasi warganegara di lima negara yang berbeza iaitu Amerika, Mexico, Britain, Jerman dan Itali. Melalui projek ini, mereka telah mencipta istilah budaya politik untuk menilai tahap partisipasi politik rakyat di negara demokrasi. Menurut tafsiran Almond & Verba (1963:13), budaya politik adalah sikap, kepercayaan dan nilai masyarakat terhadap politik bagi menggalakkan kestabilan demokrasi. Dalam buku ini, Almond & Verba turut mengemukakan tiga bentuk budaya politik masyarakat, iaitu parokial, subjek dan partisipan. Pertama, budaya politik parokial merupakan tingkat partisipasi politik yang paling rendah—tidak terdapat orientasi terhadap semua komponen politik—input, output, sistem politik dan peranan diri. Budaya politik ini wujud dalam



masyarakat tradisonal yang tiada peranan politik khusus, tiada struktur politik dan masyarakat tidak mempunyai kesedaran terhadap sistem politik. Misalnya, masyarakat suku Afrika, mempunyai pengkhususan politik yang minimal di mana orientasi politik tidak dipisahkan daripada orientasi agama dan sosial.

Kedua, budaya politik subjek, iaitu merujuk kepada masyarakat yang sudah relatif maju tetapi masih pasif. Mengikut Almond & Verba (1963:19),

"The subject is aware of specialized governmental authority; he is affectively oriented to it, perhaps taking pride in it, perhaps disliking it; and he evaluates it either as legitimate or as not. But the relationship toward the system on general level, and toward output, administrative or 'downward flow' side of the political system; it is essentially a passive relationship."

Petikan ini menjelaskan bahawa masyarakat mempunyai beberapa orientasi terhadap output dan sistem politik, tahu mengenai mekanisme pembuatan keputusan dan mempunyai kesedaran politik. Namun, mereka tiada keyakinan untuk menyuarakan pandangan politik. Oleh itu, masyarakat tidak melibatkan diri dalam kegiatan politik tetapi mereka taat dan patuh terhadap undang-undang. Almond & Verba juga mencadangkan bahawa subjek atau budaya pasif sangat sesuai dengan rejim autoritarian.

Budaya politik partisipan merupakan tingkat budaya politik yang paling tinggi—terdapat orientasi terhadap keempat-empat komponen politik—input, output, sistem politik dan peranan diri. Masyarakat mempunyai kesedaran politik yang tinggi sehingga mendorong mereka untuk melibatkan diri dan memainkan peranan secara aktif dalam politik. Menerusi penglibatan ini, masyarakat berkeupayaan untuk mengkritik dan menyuarakan pandangan kepada pemerintah, tetapi masih tiada jaminan untuk mewujudkan kestabilan. Maka, Almond & Verba (1963:22) menyimpulkan semua budaya politik adalah *systematically mixed* (bercampur secara sistematik), iaitu mempunyai orientasi sebagai subjek dan parokial, manakala budaya politik subjek pula mengandungi beberapa individu yang parokial terhadap politik. Gabungan ketiga-tiga budaya politik ini akan menghasilkan sistem demokrasi yang stabil.



Rush & Althoff (1971:23) pula telah mengenalpasti sembilan tahap partisipasi politik dalam kerangka konsepnya, iaitu: (a) mencari dan menduduki jawatan politik; (b) keanggotaan aktif dalam organisasi politik; (c) keanggotaan pasif dalam organisasi politik; (d) keanggotaan aktif dalam suatu organisasi separa politik; (e) menyertai demonstrasi dan mesyuarat umum; (f) mengambil bahagian dalam diskusi politik; (g) mempunyai minat dalam politik; (h) mengundi dalam pilihan raya; (i) apati. Lima tingkat teratas dalam hierarki ini menunjukkan kekuatan partisipasi politik seseorang individu. Ia berlaku apabila individu ini melibatkan diri secara aktif dalam organisasi politik atau semi politik, bersaing sebagai calon dalam pilihan raya dan memikul tanggungjawab sebagai pemimpin politik. Manakala, empat tingkat terbawah adalah partisipasi terendah seseorang individu dalam politik di mana individu ini hanya menjadi pengundi, melibatkan diri dalam diskusi politik tanpa bergiat aktif dalam sebarang organisasi politik.

Kajian Milbarth (1965) yang bertajuk *Political Participation: How and Why Do People Get Involved in Politics* melihat partisipasi politik dalam dua bentuk berbeza, iaitu aktif dan pasif. Kebanyakan warganegara mempunyai postur yang aktif dan pasif terhadap politik. Setiap daripada mereka terlibat sekurang-kurangnya secara pasif dalam sistem politik seperti mematuhi undang-undang dan membayar cukai (Milbarth 1965:9). Manakala, ada sebahagian masyarakat pula mengambil bahagian dalam kegiatan politik secara lebih aktif, kerap dengan menyumbang lebih tenaga, masa dan wang untuk kepentingan politik. Milbarth (1965:18) juga mengemukakan jenis kegiatan politik yang sering disertai masyarakat. Ia boleh difahami dalam bentuk hierarki. Hierarki ini mengandungi aktiviti politik yang biasanya diamalkan dalam sistem demokrasi. Beliau telah mengemukakan tiga kegiatan partisipasi politik: Pertama, *gladiator activities* merupakan partisipasi aktif seseorang individu dalam politik seperti memegang jawatan politik, menjadi calon dan berkempen dalam politik. Kedua, *transition activities*, iaitu peringkat menuju kepada kegiatan aktif. Ia meliputi kegiatan seperti menghadiri mesyuarat politik, memberi sumbangan kewangan kepada parti dan berhubungan dengan pemimpin. Manakala, peringkat terbawah dikenali sebagai *spectator activities* di mana individu hanya bertindak sebagai pengundi, memakai lencana parti dan menyertai diskusi politik. Akhir sekali, individu yang tidak terdedah kepada rangsangan politik dan tidak melibatkan diri dalam sebarang





kegiatan politik disebut sebagai *apati*. Bagi Milbarth, penglibatan dalam kegiatan politik peringkat tertinggi memerlukan seseorang individu itu mengorbankan lebih banyak kos, masa, tenaga dan komitmen berbanding dengan melakukan kegiatan peringkat bawahan. Oleh itu, individu yang terlibat dalam hierarki tingkah laku yang tertinggi, berkemungkinan melaksanakan kegiatan politik peringkat bawahan.

Berdasarkan perbincangan konseptual di atas, jelas wujud dikotomi dalam definisi yang dikemukakan oleh para sarjana. Pertama, masyarakat hanya berpartisipasi dalam kegiatan konvensional dan tradisional seperti mengundi, menjadi calon pemimpin, mempunyai hubungan baik dengan pemimpin dan memberi sumbangan kepada parti. Kedua, partisipasi politik juga boleh berlaku melalui gabungan kegiatan konvensional dan bukan konvensional seperti mengundi dan berkempen dalam pilihan raya tetapi turut terlibat dalam protes rakyat, mogok, ancaman politik dan keganasan awam. Meskipun terdapat perbezaan dalam mendefinisikan konsep partisipasi politik, secara umumnya kesemua sarjana bersetuju bahawa partisipasi politik adalah tindakan atau kegiatan warganegara untuk menyokong, mempengaruhi keputusan yang diambil oleh pemerintah.

Dari segi bentuk atau ciri partisipasi politik, terdapat perbezaan ketara di antara bentuk yang dikemukakan oleh para sarjana ini. Misalnya, kajian Milbrath (1965) dan Roff & Althoff (1971) lebih menekankan kepada aktiviti politik yang disertai oleh masyarakat. Penglibatan warganegara dalam kegiatan-kegiatan politik ini adalah indikator yang digunakan Milbrath dan Roff & Althoff untuk menilai tahap partisipasi politik masyarakat. Bagaimanapun, kajian Almond & Verba (1963:15) lebih mengambil kira faktor orientasi kognitif, iaitu ilmu pengetahuan dan kepercayaan mengenai sistem politik dan orientasi efektif, yakni perasaan terhadap sistem politik serta orientasi penilaian, iaitu pandangan masyarakat terhadap sistem politik untuk mengukur tahap partisipasi politik mereka.

Dalam konteks politik orang muda yang menjadi fokus kajian ini, takrifan partisipasi politik yang meliputi kegiatan konvensional dan bukan konvensional adalah lebih berkait rapat dengan tingkah laku dan pola politik golongan muda. Walaupun anak muda terlibat dalam kegiatan konvensional seperti mengundi, tetapi kepercayaan





dan keyakinan mereka terhadap institusi politik adalah rendah. Anak muda tidak yakin dengan institusi politik kerana kebanyakan ahli politik kurang integriti dan gagal membawa perubahan kepada rakyat. Menurut Datuk Saifuddin Abdullah (<http://www.malaysiakini.com/news/180644>, akses 25 November 2011), ketandusan integriti di kalangan ahli politik menyebabkan anak muda tidak mempercayai institusi politik sehingga mereka memulau pilihan raya akan datang. Mereka merasakan undi mereka tidak membawa perubahan dramatik dan impak yang besar dalam politik nasional berbanding dengan kegiatan bukan konvensional. Justeru, mereka mencari alternatif lain dengan melibatkan diri dalam kegiatan bukan konvensional untuk menyampaikan tuntutan dan menyalurkan ketidakpuasan hati terhadap kerajaan. Persoalannya, mengapa anak muda lebih gemar terlibat dalam kegiatan bukan konvensional?

Pertama, anak muda terlibat dalam kegiatan konvensional kerana kemunculan media baru yang banyak memberikan maklumat dan kesedaran politik kepada mereka. Internet membuka ruang yang luas untuk mereka berkongsi informasi dan mengekspresikan pendapat terhadap sesuatu isu politik. Lantaran itu, golongan ini menggunakan media internet untuk membentuk jaringan hubungan sosial bagi mengkritik, menyalurkan ketidakpuasan hati dan menentang kerajaan. Castells (2001) dan Wellman (2001) melabelkan hubungan ini sebagai 'rangkaian individualisme', iaitu perikatan sementara antara individu-individu dalam masyarakat berlandaskan kepada kepentingan dinamik. Kedua, kegiatan bukan konvensional seperti demonstrasi lebih berkesan menarik perhatian kerajaan untuk mendengar suara dari bawah. Misalnya, di Malaysia, pada tahun 1998 golongan ini lebih banyak terlibat dalam protes politik bersama dengan kumpulan masyarakat sivil untuk menuntut keadilan dan pembaharuan politik dari kerajaan. Selain itu, perkembangan pendidikan turut membuka peluang kepada generasi muda untuk terlibat dalam kegiatan bukan konvensional di mana kebanyakan protes politik yang berlaku di dunia didokongi oleh gerakan pelajar. Tragedi Tiananmen di Beijing pada tahun 1989, Revolusi Mesir, Libya dan Tunisia pada tahun 2011 adalah contoh protes politik yang melibatkan sokongan pelajar dan generasi muda dalam gerakan menuntut pendemokrasian. Oleh itu, apa yang dapat disimpulkan, partisipasi golongan muda dalam politik adalah lebih bersifat aktif iaitu terlibat secara langsung dan lebih menjurus kepada kegiatan-





kegiatan politik yang tidak diinstitusikan seperti kumpulan masyarakat sivil dan badan-badan buka kerajaan (NGOs).

Golongan muda di negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Kanada terlibat dalam kedua-dua kegiatan politik yang berbentuk konvensional dan bukan konvensional. Namun begitu, penglibatan politik anak muda telah mengalami perubahan. Mereka sudah kurang melibatkan diri dalam kegiatan konvensional khususnya mengundi pada pilihan raya, sebaliknya lebih berminat menyertai kegiatan bukan konvensional seperti protes, kumpulan masyarakat sivil dan petisyen. Misalnya, di Amerika, Dalton (2006:9) mendapati kadar pengundi muda keluar mengundi dan terlibat dalam kempen adalah tinggi pada sekitar tahun 1950-an hingga 1960-an, tetapi bentuk penglibatan ini berubah pada 1970-an sehingga era 2000-an apabila lebih ramai golongan muda mula terbabit dalam kumpulan masyarakat sivil dan protes berbanding dengan melibatkan diri dalam proses elektoral. Ini kerana penglibatan golongan muda dalam kegiatan konvensional memberi tidak diberi respon sepenuhnya dari kerajaan.



Menurut Dalton lagi (2006:11), penurunan kadar pengundi muda dalam pilihan raya tidak bermakna tahap partisipasi politik mereka adalah rendah, tetapi ia menunjukkan wujud dimensi baru dalam aktiviti dan tindakan politik mereka. Golongan muda dilihat mahu menjalinkan hubungan dengan pemerintah menerusi cara baru yang lebih efektif. Gaya baru ini bertujuan untuk menempatkan lebih kawalan rakyat ke atas aktiviti politik, pada masa yang sama aktiviti-aktiviti ini boleh meningkatkan tekanan masyarakat terhadap elit politik. Fenomena yang sama turut berlaku di negara sedang membangun seperti Korea. Di Korea, golongan muda terpinggir daripada politik menyebabkan sosialisasi politik mereka berada pada tahap yang rendah. Kepercayaan masyarakat yang kuat terhadap ajaran Confucius dan pemerintahan rejim autoritarian selama lebih daripada satu perempat abad adalah dua faktor penting yang menyebabkan berlakunya *depoliticization* golongan muda (Seongyi & Woo-Young 2010:243). Bagaimanapun, protes 'The 2008 Candle Light' dilihat sebagai *turning point* yang mengubah corak partisipasi politik golongan muda daripada *depoliticized* kepada partisipasi aktif. Protes ini menyaksikan penglibatan golongan muda pada skala besar demi memperjuangkan hak dan keadilan sosial





masyarakat. Perubahan ini adalah berpunca daripada kebangkitan media baru yang menjadi saluran baru untuk mengumpulkan maklumat politik dan menggerakkan protes.

Di Malaysia, corak penglibatan politik golongan muda turut mengalami perubahan. Jika dilihat sebelum merdeka, golongan muda terlibat dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan menentang penjajahan menerusi saluran penulisan dan pendidikan. Selepas kemerdekaan, mereka bergiat aktif dalam memelihara kepentingan kaum masing-masing menerusi pembabitian dalam gerakan mahasiswa dan parti-parti politik. Namun, tragedi perkauman pada 1969 telah menjadi *turning point* yang mengubah lanskap politik Malaysia sehingga memaksa kerajaan menguatkuasakan sekatan seperti ISA, AUKU dan OSA untuk menyekat kebebasan politik anak muda. Akibatnya, pergerakan politik anak muda semakin terbatas dan penglibatan mereka tidak dianggap signifikan sehinggalah berlakunya gelombang kebangkitan pengundi muda yang memuncak sewaktu pemecatan Anwar pada tahun 1998. Lanjutan daripada pemecatan ini, beliau menubuhkan gerakan reformasi yang digerakkan oleh anak muda untuk menuntut keadilan dan transformasi politik. Gelombang kebangkitan anak muda dalam politik Malaysia kembali meletus pada PRU 2008 di mana BN gagal mempertahankan majoriti dua pertiga mereka dalam parlimen disebabkan oleh penolakan sokongan pengundi muda kepada BN. Antara faktor utama yang menyumbang kepada penglibatan luar biasa anak muda dari era reformasi sehingga ke tsunami politik adalah kewujudan siber politik yang menjadi mekanisme utama penyebaran maklumat, komunikasi dan sosialisasi politik.²⁰

Merujuk kepada definisi dan bentuk partisipasi politik di atas, maka bagaimana pula bentuk yang paling sesuai untuk diaplikasikan dalam penglibatan

²⁰Jumlah pengguna internet khususnya anak muda meningkat secara mendadak daripada 3.7 juta (15%) pada tahun 2000 kepada 16.9 juta (64.6%) pengguna pada tahun 2011. Peningkatan signifikan kadar pengguna internet di kalangan anak muda ini didorongi oleh beberapa faktor. Pertama, kerajaan telah berusaha menaik taraf sistem teknologi maklumat di Malaysia agar ia seiring dengan arus kemodenan global. Hal ini menyebabkan anak muda, khususnya di kawasan pedalaman mudah untuk mengakses jaringan internet. Kedua, anak muda beralih kepada internet kerana ia bebas daripada peraturan dan kawalan kerajaan. Justeru, maklumat politik yang diperolehi dari internet lebih sahih dan komprehensif berbanding maklumat yang telah ditapis di media arus perdana. Selain itu, media siber membuka ruang yang lebih bebas kepada anak muda untuk menyalurkan pandangan dan kritikan terhadap kerajaan mahu pun pembangkang tanpa halangan dan sekatan undang-undang. Rujuk tulisan Mohd Azizuddin Mohd Sani (2009) dan Mohd Amirul Akhbar (2011).





politik golongan muda di Malaysia? Dan apakah kerangka yang paling sesuai untuk mengukur tahap partisipasi politik anak muda di negara ini? Tesis ini berhujah penglibatan generasi muda dalam politik Malaysia adalah sesuai mengikut definisi yang dikemukakan oleh Barnes & Kaase (1979), iaitu meliputi bentuk konvensional dan bukan konvensional. Partisipasi politik golongan muda berbentuk konvensional apabila mereka menggunakan undi mereka untuk menjatuhkan sesebuah parti politik atau pemimpin yang tidak dapat memelihara kepentingan mereka. Misalnya, tsunami politik pada tahun 2008 menunjukkan generasi muda menggunakan undi sebagai protes terhadap cengkaman kerajaan. Bentuk bukan konvensional seperti protes, demonstrasi jalanan dan blog pula digunakan sebagai cara untuk mengekspresikan kemarahan dan ketidakpuasan hati mereka terhadap tindakan pemimpin-pemimpin politik. Misalnya, tindakan Dr. Mahathir memecat Anwar Ibrahim dari kerajaan dan UMNO telah mengundang kemarahan rakyat sehingga menyebabkan berlakunya protes rakyat besar-besaran pada tahun 1998. Maka, boleh dirumuskan bahawa golongan muda di Malaysia mempengaruhi keputusan dan tindakan politik menerusi penglibatan mereka dalam kegiatan politik secara sah atau melalui saluran yang tidak sah **disisi undang-undang**.

Selain itu, bagi mengukur tahap partisipasi politik golongan muda di Malaysia, pengkaji akan menghujahkan ciri-ciri partisipasi politik yang diperkenalkan oleh Almond & Verba (1963) iaitu budaya politik parokial, subjek dan partisipan. Ia bertujuan untuk melihat sikap, perasaan, kepercayaan dan pandangan anak muda mengenai sistem politik di Malaysia serta peranan yang dimainkan oleh anak muda untuk menyuburkan amalan demokrasi di Malaysia. Apakah tahap budaya politik golongan muda di Malaysia? Adakah masih berada di tahap paling rendah (parokial), sederhana (subjek) atau tahap paling tinggi (partisipan)? Perbincangan mengenai hal ini dijelaskan dengan lebih terperinci dalam perbincangan di bab-bab seterusnya.

1.5.2 Teori Tingkah Laku Pengundi

Perbincangan sebelum ini memfokuskan kepada konsep partisipasi politik. Selepas menganalisis konsep tersebut, analisis selanjutnya membincangkan konsep tingkah laku pengundi. Konsep ini penting dibincangkan untuk menjadi alat analisis bagi





menjawab persoalan mengapa pengundi memilih sesuatu parti atau calon. Tesis ini membincangkan konsep tersebut berdasarkan kepada tiga aliran pemikiran yang berbeza, iaitu pendekatan sosiologikal, identifikasi parti dan pilihan rasional.

Dari konteks pendekatan sosiologikal, kajian Lazarsfeld et al. pada tahun 1944 yang lebih dikenali sebagai kajian Columbia adalah kajian pertama yang mendokong pendekatan ini. Mereka berpendapat tingkah laku majoriti pengundi dipengaruhi oleh ikatan dan pengaruh sosial seperti status sosioekonomi, agama dan kawasan perumahan.²¹ Hipotesis yang dikemukakan mereka ialah tingkah laku pengundi adalah suatu tindakan individu yang disebabkan oleh faktor personaliti dan pendedahan pengundi kepada media. Bagaimanapun, hasil kajian yang diperolehi ini sama sekali bertentangan dengan hipotesis mereka di mana media memainkan peranan yang minimal dalam mempengaruhi keputusan individu, sebaliknya keputusan ini banyak dipengaruhi oleh kumpulan sosial (Lazarsfeld et al. 1968:69). Ini bermaksud pengundi memilih sesebuah parti atau pemimpin bukan kerana isu yang diketengahkan dalam kempen pilihan raya tetapi disebabkan oleh tekanan daripada komuniti. Menurut Lazarsfeld et al. (1968:148) lagi, "*People vote not only with their social group, but also for it.*" Ini bermakna proses kesepaduan dalam kumpulan lebih memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku pengundi berbanding dengan kempen dan proses komunikasi antara calon dan pengundi sebelum pilihan raya berlangsung.

Kajian Columbia ini diperkembangkan lagi pada tahun 1954 oleh Berelson, Lazarsfeld & McPhee dalam kajian mereka bertajuk *Voting: A Study of Opinion Formation in a Presidential Campaign*. Dapatan kajian ini turut memaparkan hasil yang sama iaitu faktor-faktor sosial seperti agama, kaum dan status sosioekonomi adalah faktor dominan dalam menentukan tingkah laku pengundi. Ini bermakna hubungan sosial digunakan oleh pengundi sebagai landasan untuk mendapatkan

²¹Kajian Columbia adalah kajian lapangan yang melihat corak undian dan tingkah laku pengundi dalam pilihan raya Presiden di Amerika Syarikat pada tahun 1940. Ia adalah hasil usahasama sekumpulan penyelidik di Universiti Columbia seperti Berelson, Lazarsfeld dan sarjana-sarjana lain. Kajian ini turut diperluaskan kepada pilihan raya Presiden Amerika Syarikat pada tahun 1948. Hasil kajian Columbia ini menunjukkan faktor sosiologikal memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi tingkah laku pengundi. Untuk perbincangan lanjut, lihat kajian Lazarsfeld, Berelson & Gaudet (1968) dan Budge & Farlie (1977).





nasihat dan mengatasi keraguan dalam memutuskan undi. Lantas, para sarjana kajian ini melabelkan fenomena psikologikal yang berlaku sebagai *reactivation*. Nasihat dan pandangan yang dikemukakan oleh kumpulan sosial ini akhirnya mempengaruhi undi individu, sekali gus wujud kesetiaan yang berpanjangan antara individu dan kumpulan sosial tersebut. Sumbangan terbesar kajian yang dihasilkan oleh Berelson, Lazarsfeld & McPhee ini menunjukkan meskipun Amerika Syarikat merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi, tetapi minat dan ilmu politik rakyatnya masih rendah dan sangat terhad. Mereka menulis: “...the large numbers of people motivation is weak if not almost absent, have a limited and poor knowledge of political affairs” (Berelson et.al 1954:308). Hal ini berlaku kerana kebanyakan pengundi tidak mempunyai minat atau motivasi dalam politik. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak meruntuhkan praktis demokratik. Ini kerana jika sebahagian besar pengundi mempunyai motivasi dan minat yang tinggi dalam politik, maka akan wujud antagonisme dan *political cleavage* yang boleh mengancam sistem itu sendiri.

Perkembangan aliran pemikiran sosiologikal ini diteruskan lagi oleh Lipset (1960) dan Rokkan & Lipset (1967). Kajian mereka difokuskan kepada perkembangan sistem parti di Eropah. Mereka melihat *political cleavage* telah lama berakar umbi dalam masyarakat Eropah sejak era revolusi lagi. Misalnya, pembahagian di antara bandar dan luar bandar, buruh dan kapital serta gereja dan politik menyebabkan wujudnya parti politik berasaskan pembahagian sosial. Pembahagian ini berlaku disebabkan oleh perbezaan yang ketara dalam kumpulan sosial hingga menyebabkan pembahagian ini diinstitusikan dalam sistem politik. Sehubungan dengan itu, *political cleavage* yang telah diinstitusikan mendorong pengundi untuk berinteraksi, mempunyai kesedaran dan sentimen sosial yang mampu mempengaruhi tingkah laku politik mereka.

Berdasarkan kepada huraian di atas, masih terdapat kelompangan dalam melihat tingkah laku pengundi berasaskan kepada model sosiologikal ini. Beberapa sarjana seperti Curtice (2002), Glasgow & Alvarez (2005) dan Wright (1977) telah membahaskan kelemahan kajian ini. Mereka menyatakan kajian mengenai tingkah laku pengundi tidak hanya dilakukan melalui perspektif pengundi sahaja, sebaliknya ia juga perlu dinilai daripada konteks peranan media, manifesto parti politik, struktur





ekonomi negara serta hubungan yang kuat di antara pengundi dan parti politik. Oleh sebab itu, muncul aliran pemikiran Michigan yang cuba mengisi kelompangan aliran pemikiran Columbia dengan mengutarakan model psikososial atau pendekatan identifikasi parti.

Dari sudut pendekatan identifikasi parti atau aliran pemikiran Michigan, idea utama yang diketengahkan dalam model tingkah laku pengundi adalah berkisar tentang *partisanship* (penyokong atau pemihak).²² Ia merujuk kepada ahli sesebuah parti yang komited atau hubungan di antara parti dan pengundi yang stabil dan berkekalan sehingga mempamerkan sebuah kesetiaan dan sokongan yang melampau. Campbell et al. (1960:122) menggambarkan *partisanship* sebagai “*A perceptual filter through which the voters appreciate that which is unfavorable to the orientation of his party and ignore or devalue that which is unfavorable.*” Ini bererti pengundi mengidentifikasikan diri mereka dengan sesebuah parti dan ini mempengaruhi sikap dan tingkah laku pengundi. Perubahan dalam sesebuah parti sama ada dari segi tempen, manifesto atau calon yang bertanding dalam setiap pilihan raya tidak memberi kesan kepada pandangan mereka terhadap parti. Menurut Campbell et al. (1960:149), “*...once established is an attachment which is not easily changed*”. Malaka, identifikasi parti kekal stabil dan tidak akan berubah. Pendekatan ini tidak menolak pengaruh kumpulan sosial dalam mempengaruhi tingkah laku pengundi. Malah, mereka melihat kumpulan sosial sebagai roda yang menggerakkan *partisan* untuk lebih komited dengan parti demi kepentingan masyarakat. Oleh itu, identifikasi parti muncul sebagai sebuah barometer atau penentu terbaik untuk melihat pilihan pengundi.

Aliran pemikiran ini turut mengemukakan idea *funnel of causality*. Ia adalah sebuah metafora yang digunakan untuk mengaitkan faktor-faktor dalaman (sosio-ekonomi, nilai, tingkah laku dan psikologikal), luaran (isu, calon, kempen pilihan

²²Kajian Michigan adalah kajian yang terhasil gabungan daripada sekumpulan penyelidik di Universiti Michigan. Hasil kajian Michigan bertentangan dengan kajian Columbia. Kajian ini menunjukkan faktor utama yang menggerakkan pengundi untuk terus keluar mengundi adalah faktor psikologikal individu itu sendiri. Ia berdasarkan kepada kajian soal selidik yang dijalankan semasa pilihan raya presiden AS pada tahun 1948. Lihat misalnya tulisan Campbell & Kahn (1952) dan Budge & Farlie (1977).





raya, situasi politik dan ekonomi serta pengaruh masyarakat) dan *partisan* sebagai pendorong kepada pengundi untuk membuang undian. Justeru, *partisanship* berperanan penting untuk mempengaruhi pengundi dengan memainkan isu-isu seperti calon dan insiden yang berlaku sepanjang kempen pilihan raya berlangsung. Bagi pengundi yang tidak mengidentifikasikan diri mereka dengan mana-mana parti, mereka akan membuat pertimbangan undi berdasarkan kepada pengaruh faktor dalaman, luaran dan partisan sendiri. Menurut Ghazali Mayudin (1999:27), terdapat juga kemungkinan pengundi yang mengidentifikasikan dengan parti X akan mengundi parti Y seandainya terdapat isu atau calon yang begitu menonjol sehingga mempengaruhi mereka. Namun, ayunan undi ke parti lain ini hanyalah bersifat sementara dan ia tidak menjejaskan ikatan kesetiaan dan identifikasi dengan parti X.

Bagaimanakah identifikasi parti ini terbentuk? Identifikasi terhadap sesebuah parti terbentuk disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh persekitaran terutamanya institusi kekeluargaan. Jika ibu bapa adalah penyokong setia parti X, maka berkemungkinan besar anak juga akan mengidentifikasikan diri dengan parti X. Buktinya, kajian Campbell et.al (1960:147) mendapati keluarga yang aktif politik dan menyokong parti Demokratik, 79% anak mereka cenderung untuk menyokong parti Demokratik juga. Sebaliknya, ibu bapa yang menjadi pengundi setia parti Republikan, 71% daripada anak-anak mereka merupakan penyokong Republikan. Ini bermaksud, kecenderungan politik ibu dan bapa sangat mempengaruhi kesetiaan politik anak mereka. Adakah identifikasi parti ini boleh berubah? Meskipun identifikasi parti membentuk kesetiaan berpanjangan, tetapi individu boleh menamatkan ikatan kesetiaan kepada sesuatu parti dan beralih ke parti lain. Perubahan dalam identifikasi parti ini berlaku disebabkan oleh faktor peribadi dan faktor sosial seperti perkahwinan, pekerjaan dan perpindahan kawasan (Ghazali Mayudin 1999:30). Selain itu, wujud faktor-faktor lain seperti perubahan besar dalam masyarakat dan dasar baru yang diperkenalkan oleh parti turut mengubah identifikasi parti individu. Misalnya, dasar *The New Deal* yang dikemukakan oleh parti Demokratik telah berjaya mengalihkan sokongan masyarakat khususnya golongan muda, orang miskin dan minoriti kepada parti ini (Campbell et.al 1960:155). Manakala Fiorina (1981) telah mengembangkan pendekatan identifikasi ini dengan pendekatan retrospektif. Mengikut Fiorina (1981:3), kesetiaan terhadap sesuatu parti



dipengaruhi oleh faktor prestasi parti. Sekiranya sesebuah parti memerintah dalam keadaan ekonomi yang baik, maka individu akan setia kepada parti ini. Sebaliknya, jika parti ini gagal memerintah dan prestasi ekonomi tidak memuaskan, mereka tidak akan menyokong parti berkenaan.

Pendekatan identifikasi parti di atas dikritik hebat oleh Dalton, Flanagan & Beck (1984). Mereka menyatakan ikatan kesetiaan terhadap sesuatu parti adalah sesuatu isu yang rumit kerana ia melibatkan persoalan emosi yang boleh menyebabkan seseorang itu mengundi parti lain atau menarik diri daripada berpartisipasi dalam pilihan raya. Bagi Goldberg (1969) dan Butler & Strokes (1969) pula, ikatan kesetiaan individu kepada sesebuah parti didorongi oleh aspek kepentingan pengundi di mana parti yang boleh memenuhi keperluan pengundi sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang, menjadi asas sokongan pengundi kepada parti tersebut. Justeru, penjelasan mengenai perubahan dalam pilihan dan tingkah laku pengundi masih tidak lengkap jika hanya melihat kepada aliran psikososial sahaja tanpa mengambil kira faktor-faktor rasional pengundi, sistem politik dan pilihan raya seperti yang dikemukakan oleh pendekatan pilihan rasional.

Tingkah laku pengundi juga boleh dihuraikan melalui kaca mata ekonomi seperti teori pilihan rasional yang dianjurkan oleh Downs (1957:3). Andaian utama teori ini adalah mudah. Jika pilihan rasional boleh menjelaskan pasaran, maka teori ini juga mampu memperjelaskan fungsi politik, khususnya mengenai kos dan keuntungan. Downs (1957:295) menyatakan:

"Our main thesis is that parties in democratic politics are analogous to entrepreneurs in a profit-seeking economy. So as, to attain their private ends, they formulate whatever policies they believe will gain the most votes, just as entrepreneurs produce whatever products they believe will gain the most profits for the same reason. In order to examine the implications of this thesis, we have to assume that citizens behave rationally in politics. This premise is itself a second major hypothesis."

Menurut Budge & Farlie (1977:103), terdapat dua aktor penting yang difokuskan dalam pendekatan pilihan rasional: pertama, parti politik yang menguasai pemerintahan melalui kemenangan dalam pilihan raya. Kedua, pengundi yang ingin



memenuhi kepentingan politik dan ekonomi mereka. Proses pengundian dilihat sebagai tapak bagi pengundi dan parti untuk mencapai keuntungan. Ini menunjukkan pengundi bertindak menggunakan undi mereka untuk memaksimumkan manfaat yang ingin diperolehi, manakala parti politik pula memaksimumkan polisi dan program untuk meraih undi yang tinggi dalam pilihan raya.

Hujah utama yang mendasari teori pilihan rasional ini adalah konsep rasionaliti. Rasionaliti bermaksud pengundi dan parti bertindak berdasarkan kepada kepentingan peribadi demi mencapai objektif tersendiri. Kepentingan dan objektif ini hanya boleh direalisasikan melalui pilihan raya. Oleh itu, hala tuju parti-parti politik adalah untuk meraih banyak undi dalam pilihan raya bagi memperoleh kuasa dan keuntungan. Aktiviti dan polisi yang dibentuk oleh parti politik dikenali sebagai *principle of utility maximization of action*. Namun begitu, Downs (1957:28) melihat parti politik membentuk polisi untuk memenangi pilihan raya bagi mendapatkan kuasa, bukannya memenangi pilihan raya untuk menggubal polisi. Oleh sebab itu, pengundi akan membuang undi kepada parti yang dapat memenuhi keperluan dan banyak memberikan manfaat pada mereka. Sebaliknya, jika proses pengundian tidak mendatangkan faedah atau kepentingan kepada pengundi, kebarangkalian untuk mereka tidak keluar mengundi adalah tinggi. Selain itu, parti-parti politik juga akan menggunakan ideologi dan manifesto mereka untuk menarik sokongan beberapa kelompok sosial. Justeru, wujud persaingan di antara parti-parti sehingga mendorong kepada perubahan dalam manifesto dan strategi parti untuk meraih undi. Downs (1957:98) berpendapat pengundi lebih mementingkan tindakan yang dilaksanakan oleh parti berbanding dengan ideologi. Ideologi hanya dilihat oleh pengundi sebagai indikator bagi mengukur ketelusan parti dalam merealisasikan tindakannya.

Meskipun idea utama yang ditegaskan dalam pendekatan ini adalah prinsip rasionaliti, namun Downs percaya wujud perlakuan yang tidak rasional dalam keadaan yang tertentu yang dikenali sebagai 'undian strategik'. Undian strategik ini berlaku apabila pengundi melihat peluang parti sokongan mereka untuk menang dalam pilihan raya adalah tipis, maka mereka akan mengundi parti yang lebih relevan untuk menang. Hal ini berlaku kerana objektif utama pilihan raya adalah untuk memilih kerajaan bukannya mengutamakan parti yang menjadi kesukaan. Idea yang





dikemukakan oleh pendekatan pilihan rasional ini mengundang pelbagai kritikan daripada para ilmuwan seperti Uhlaner (1989), Green & Shapiro (1994) dan Blais (2000).

Uhlaner (1989:300) menyatakan pendekatan rasional ini gagal untuk menjelaskan penglibatan individu dalam tindakan secara kolektif. Misalnya, dalam pilihan raya, pengundi selalu bertindak sebagai sebahagian daripada kumpulan yang berkongsi kepentingan bersama, manakala individu masih mengundi kerana faedah yang diperolehi dari undi tersebut. Bagaimanapun, calon yang menang akan menyediakan kemudahan awam yang akan dinikmati oleh setiap masyarakat sama ada individu yang tidak keluar mengundi atau yang mengundi calon lain. Green & Shapiro (1994:47) pula membahaskan mengenai kelemahan utama pendekatan ini terletak kepada metodologi yang digunakan. Pendekatan ini dikatakan gagal memaparkan bukti empirikal dan pemerhatian dalam menyokong hujah-hujahnya. Misalnya, teori ini mempunyai kaedah statistik yang lemah dan menyediakan pemahaman yang sedikit dan terhad mengenai interaksi politik dalam tingkah laku pengundi. Bagi Blais (2000:139), hasil kajiannya mendapati pendekatan pilihan rasional ini tidak berupaya untuk menjelaskan tingkah laku pengundi. Ini kerana kebanyakan pengundi keluar membuang undi bukan kerana faktor kos dan keuntungan, tetapi atas dasar kesedaran terhadap tanggungjawab mengundi. Pengundi turut keluar mengundi kerana mereka merasakan bahawa undian mereka mampu untuk membawa perubahan kepada negara biarpun ramai warganegara yang enggan keluar mengundi.

Merujuk kepada perbincangan di atas, maka bagaimana pula tingkah laku pengundi muda di Malaysia? Apakah pendekatan yang paling sesuai untuk diaplikasikan kepada pengundi muda di Malaysia? Dalam konteks Malaysia, pendekatan identifikasi parti sememangnya telah lama digunakan sebagai mekanisme untuk melihat tingkah laku pengundi. Ia berdasarkan kepada keputusan pilihan raya di mana terdapat parti politik mendapat keputusan pilihan raya yang konsisten sama ada dari segi bilangan kerusi atau undi yang diperolehinya. Misalnya, BN sering menguasai dua pertiga majoriti dalam Parlimen dan mempunyai kubu kuat yang sukar ditembusi oleh parti lain seperti negeri Pahang, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.





Kemenangan BN di negeri-negeri tersebut disumbangkan oleh penyokong-penyokongnya yang setia menyokong BN. Jika dibandingkan prestasi BN pada PRU 1999 dan PRU 2004, terdapat perubahan yang signifikan dalam undi BN. Pada PRU 1999, undi BN merosot teruk apabila hanya memperoleh 56.1% undi berbanding 65% pada PRU 1995. Isu pemecatan Anwar Ibrahim dilihat sebagai isu utama yang menyebabkan pengundi muda mengalihkan undi mereka kepada pembangkang. Ia sebagai tanda protes atau serangan balas pengundi untuk menuntut keadilan bagi Anwar. Tetapi, pada PRU 2004, prestasi BN meningkat secara mendadak apabila BN berjaya memenangi 198 kerusi daripada 219 kerusi Parlimen yang dipertandingkan dengan mendapat sebanyak 63.9% berbanding 56.1% pada PRU 1999. Maka, boleh dirumuskan, peralihan sokongan pengundi muda kepada pembangkang dalam PRU 1999 hanya bersifat sementara kerana dipengaruhi oleh isu pemecatan Anwar Ibrahim. Pada PRU 2004, pengundi muda mengekalkan ikatan kesetiaan mereka dengan BN disebabkan oleh pengaruh kepimpinan Abdullah Badawi.

Namun, ikatan kesetiaan pengundi muda kepada BN tidak kekal lama apabila berlaku perubahan tingkah laku yang ketara pada PRU 2008 sehingga mengakibatkan BN kehilangan dua pertiga majoriti dalam Parlimen dan gagal mempertahankan Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Selangor. Kemerosotan prestasi BN pada PRU 2008 ini berpunca daripada peralihan undi dan sokongan pengundi muda kepada parti pembangkang. Persoalannya, mengapa pengundi muda berpaling tadah lagi dari BN? Adakah peralihan sokongan kepada pembangkang ini hanya bersifat sementara seperti yang berlaku pada PRU 1999? Ataupun pendekatan identifikasi parti ini sudah tidak relevan dalam mengkaji tingkah laku pengundi muda di Malaysia? Jika tidak lagi relevan, apakah bentuk lain yang paling sesuai untuk melihat perubahan dalam tingkah laku pengundi muda ini? Dengan menggunakan teori tingkah laku pengundi ini, kajian ini berusaha untuk menjawab pertanyaan di atas.

1.5.3 Hubungan Antara Partisipasi Politik dan Tingkah Laku Pengundi

Perbincangan sebelum ini memfokuskan kepada konsep partisipasi politik dan tingkah laku pengundi. Kedua-dua konsep ini adalah saling bersangkutan antara satu sama lain. Misalnya, kajian Phelps (2005) membahaskan penurunan tahap partisipasi





politik golongan muda dan tingkah laku pengundi muda di Britain. Dalam kajian soal selidik ini, beliau mendapati terdapat penurunan dari segi peratusan pengundi muda yang cukup besar antara pilihan raya 1997 hingga ke pilihan raya tahun 2005. Phelp mendapati faktor penurunan kadar undian golongan ini adalah kerana mereka tidak mempercayai undi mereka dalam pilihan raya boleh membawa perubahan besar dalam sistem politik di Britain. Mereka berpendapat undi mereka tidak memberi impak dan pengaruh terhadap polisi-polisi yang digubal oleh kerajaan. Aspek sosioekonomi, struktur kelas serta identifikasi parti tidak lagi menjadi asas pertimbangan pengundi muda kerana mereka mengundi berdasarkan pilihan rasional. Faktor rasional dalam pengundian adalah sesuatu yang wajar dilakukan oleh pengundi di mana pengundi perlu menilai polisi dan dasar-dasar yang dibuat oleh parti yang bertanding sebelum membuang undi. Kenyataan ini turut disokong oleh Sloam (2007) yang menyatakan golongan remaja kurang berminat dengan politik kerana mereka kurang pengetahuan sekaligus merasa tersisih dengan sistem dan proses politik di negara mereka. Justeru, Phelp dan Sloam menegaskan bahawa parti-parti politik perlu lebih responsif dan kompetitif untuk meningkatkan tahap partisipasi pengundi muda dalam pilihan raya.



Hujah yang dikemukakan oleh Hyun Jin Seo (1999) mengenai corak tingkah laku pengundi dalam pilihan raya di Korea mendapati bahawa tingkah laku pengundi Korea sering berubah-ubah. Andaian awal beliau menunjukkan tingkah laku pengundi ini dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi, psikologi dan media. Namun begitu, hasil kajiannya menunjukkan tahap partisipasi pengundi khususnya golongan muda dilihat meningkat di kawasan luar bandar berbanding di kawasan bandar. Ini kerana pembangunan sosioekonomi telah membuatkan individu semakin sibuk dan mementingkan hal material sehingga melupakan tanggungjawab politik mereka. Namun, hujah Doni Hendrik (2004) tentang tingkah laku pengundi muda di Kota Bharu tidak boleh dikesampingkan. Hasil kajiannya mendapati tingkah laku belia di Kota Bharu, Kelantan dipengaruhi oleh identifikasi terhadap parti dan media. Tetapi, faktor-faktor ini masih pada tahap yang sederhana. Malah, pengaruh kumpulan sosial juga dilihat sangat rendah. Hal ini menyebabkan tahap partisipasi belia di Kelantan pada PRU 2004 masih lagi pasif di Kelantan. Analisis yang dibentangkan oleh Quintelier (2007:165-180) dapat menyokong kenyataan di atas. Penglibatan politik anak muda berbeza dengan golongan tua. Ini kerana anak muda lebih gemar



enyertai kegiatan politik seperti siber politik, demonstrasi dan kumpulan masyarakat vil, yang dilihat lebih efektif dan cepat dalam menyuarakan pandangan terhadap kerajaan. Bagi anak muda, pilihan raya merupakan mekanisme lama yang perlu diberi pembaharuan dan nafas baru agar ia lebih menarik pengundi-pengundi muda.

Perbincangan di atas menunjukkan wujudnya hubungan di antara penglibatan anak muda dalam politik dan tingkah laku mereka dalam pilihan raya. Persoalannya, bagaimana dua konsep ini boleh berkait? Hubungan antara konsep partisipasi politik in teori tingkah laku pengundi adalah sebagai entiti yang saling mengisi dan wujud mbal balik yang positif. Pertama, tahap partisipasi politik sesebuah negara boleh ukur menerusi kegiatan yang dilakukan oleh warganegara untuk mempengaruhi ndakan dan keputusan pemerintah. Antara kegiatan yang sering dilakukan oleh asyarakat adalah mengundi dalam pilihan raya. Mengundi merupakan salah satu indikator yang penting untuk melihat penglibatan politik anak muda kerana ia merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap warga masyarakat. ecenderungan anak muda untuk keluar mengundi menunjukkan wujudnya kesedaran olitik dan nilai demokratik yang kukuh. Menurut Verba, Nie & Kim (1978:53), *The voting act is an individual act. And voting differs from other political act in that requires relatively little initiative.* Ini bermakna, terdapat faktor-faktor seperti onomi, rasional atau identifikasi parti yang mendorong pengundi untuk keluar engundi pada pilihan raya. Maka, konsep tingkah laku pengundi ini perlu digunakan sebagai indikator untuk melihat tahap partisipasi politik pengundi muda di Malaysia.

Persoalannya, adakah kehadiran pengundi muda yang tinggi dalam pilihan ya menunjukkan tahap partisipasi politik pengundi muda berada pada tahap yang nggi? Sebenarnya, kadar pengundi muda yang tinggi pada pilihan raya tidak enunjukkan partisipasi politik berada pada tahap yang tinggi. Ini kerana terdapat idikator-indikator lain seperti penglibatan dalam kegiatan politik bukan konvensional seperti masyarakat sivil, protes, petisyen juga boleh menjelaskan tahap partisipasi olitik orang muda. Golongan muda sering mengambil bahagian dalam kegiatan olitik bukan konvensional bagi mempengaruhi tindakan pemerintah. Namun, awalan dan sekatan seperti ISA, AUKU dan OSA yang dikenakan oleh kerajaan epada golongan ini, menyebabkan mereka terpaksa menggunakan saluran



pengundian hingga berjaya mencetuskan fenomena tsunami politik pada PRU 2008. Justeru, konsep partisipasi politik dan tingkah laku pengundi juga boleh digunakan untuk menjelaskan penglibatan pengundi muda dalam kegiatan bukan konvensional.

1.5.4 Kerangka Kajian

Terdapat dua kesukaran yang dihadapi oleh penyelidik dalam mengoperasionalisasi kerangka kajian untuk disesuaikan dengan bentuk penglibatan politik pengundi muda di Malaysia. Pertama, takrifan mengenai konsep partisipasi politik yang beragam dan pelbagai menyukarkan penulis untuk menyesuaikan takrifan ini dengan operasionalisasi kajian. Ini kerana wujud definisi dan bentuk partisipasi politik yang berbeza-beza. Kedua, model tingkah laku pengundi adalah berlandaskan kepada pengaruh dan budaya barat sehingga sukar bagi penulis untuk mengadaptasi model ini dalam konteks politik Malaysia. Justeru, penyelidik berusaha merumuskan kerangka kajian dengan mengaplikasikan perspektif partisipasi politik yang dikemukakan oleh Almond & Verba (1963) dan pendekatan identifikasi parti dalam tingkah laku pengundi untuk keperluan kajian ini.



Merujuk kepada perbincangan sebelumnya, terdapat kepelbagaian dalam takrifan konsep partisipasi politik. Pertama, terdapat sarjana seperti Verba, Nie & Kim (1978) dan Mc Closky (1968) yang mendefinisikan partisipasi politik berdasarkan kepada kegiatan berunsur konvensional sahaja di mana masyarakat hanya berpartisipasi dalam kegiatan tradisional seperti mengundi, menjadi calon pemimpin, mempunyai hubungan baik dengan pemimpin dan memberi sumbangan kepada parti. Kedua, sarjana seperti Barnes & Kaase (1979) dan Norris (2002) berpendapat partisipasi politik juga boleh berlaku melalui gabungan kegiatan konvensional dan bukan konvensional seperti mengundi dan berkempen dalam pilihan raya tetapi turut terlibat dalam protes rakyat, mogok, ancaman politik dan keganasan awam. Maka, tesis ini menggunakan definisi yang dikemukakan oleh Barnes & Kaase kerana ia lebih sesuai memandangkan partisipasi politik golongan muda adalah bersifat dua hala sama ada secara langsung atau tidak langsung, konvensional atau bukan konvensional.




Dari segi bentuk atau ciri partisipasi politik pula, kajian Roff & Althoff (1971) dan Milbrath (1965) lebih memberi tumpuan kepada aktiviti yang disertai oleh masyarakat. Penglibatan warganegara dalam kegiatan-kegiatan politik ini adalah indikator yang digunakan Roff & Althoff dan Milbrath untuk menilai tahap partisipasi politik masyarakat. Bagaimanapun, tesis ini menganalisis bentuk partisipasi yang dikemukakan oleh Almond & Verba (1963) kerana bentuk partisipasi ini lebih mengambil kira persepsi, perasaan, peranan dan pandangan masyarakat terhadap sistem politik bagi menentukan tahap partisipasi atau budaya politik pengundi muda di Malaysia sama ada ia berbentuk parokial, subjek atau partisipan.

Dari perbincangan singkat ini, boleh disimpulkan bahawa pola penglibatan dan sikap politik golongan muda sering berubah-ubah. Adakalanya, mereka lebih bergiat aktif dalam kegiatan politik bukan konvensional, yang bertentangan dengan norma dan kehendak elit politik. Namun, wujudnya tindakan represif dan sekatan dari kerajaan menyebabkan golongan muda beralih kepada saluran lain seperti mengundi dan media baru bagi mempengaruhi keputusan politik dan menyuarakan pandangan mereka. Misalnya, sewaktu gerakan reformasi 1998, ramai anak muda yang turun padang berdemonstrasi demi menuntut keadilan sosial. Tetapi, tindakan ini tidak memberi impak positif terhadap tuntutan mereka. Oleh itu, anak-anak muda ini mula melakukan protes melalui undi dalam pilihan raya.

Punca kebangkitan kuasa undi golongan muda dalam pilihan raya di Malaysia dapat diselidiki melalui tiga pendekatan utama konsep tingkah laku pengundi iaitu pendekatan sosiologikal, identifikasi parti dan pilihan rasional. Pendekatan-pendekatan inilah yang menjadi motor penggerak dalam meningkatkan penglibatan golongan muda dalam politik. Pendekatan sosiologikal menegaskan faktor penting yang mempengaruhi pengundi dalam menyokong sesebuah parti adalah faktor ikatan sosial seperti keadaan sosioekonomi, kumpulan etnik dan agama. Manakala identifikasi parti menjelaskan pengundi mempunyai kesetiaan berpanjangan dengan sesebuah parti dan ini akan mempengaruhi sikap dan tingkah laku politik mereka. Pilihan rasional pula melihat pengundian sebagai tempat untuk pengundi dan parti memaksimumkan keuntungan dan manfaat. Oleh itu, ketiga-tiga pendekatan ini

dihujahkan oleh pengkaji dalam tesis ini bagi melihat faktor-faktor yang mempengaruhi sikap politik pengundi muda era reformasi hingga ke tsunami politik.

Berdasarkan kepada huraian di atas, secara umumnya, hubungan partisipasi politik dan tingkah laku pengundi didasari oleh dua perspektif. Pertama, konsep tingkah laku pengundi merupakan indikator penting untuk mengukur tahap partisipasi politik pengundi muda di Malaysia. Kedua, model tingkah laku pengundi juga boleh menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi anak muda untuk terlibat dalam kegiatan politik konvensional dan bukan konvensional serta pilihan raya. Oleh itu, huraian mengenai partisipasi politik, perilaku pengundi dan hubungan antara keduanya memunculkan kerangka penyelidikan seperti berikut:



Rajah 1.1 Kerangka Penyelidikan

Rajah 1.1 menunjukkan perubahan dalam peranan dan corak penglibatan politik pengundi muda sebelum era reformasi politik sehingga ke tsunami politik tahun 2008. Sebelum era reformasi, perjuangan politik ini banyak digerakkan oleh gerakan radikalisme dan pelajar yang berjuang menuntut kemerdekaan dan memelihara kepentingan kaum masing-masing. Tahap partisipasi politik anak muda masih berada

di tahap sederhana (subjek) kerana terdapat pelbagai sekatan dan kawalan seperti ISA dan AUKU yang dikenakan oleh kerajaan khusus untuk menyekat hak dan kebebasan politik mereka. Bagaimana pula dengan penglibatan politik golongan muda era reformasi hingga ke tsunami politik? Penglibatan politik anak muda hanya dianggap signifikan sejak bermulanya gerakan reformasi sekitar tahun 1998. Ia ekoran daripada kemelut politik, tindakan represif, kemunculan media baru dan kemelesetan ekonomi masyarakat. Pada waktu ini, anak muda giat melibatkan diri dalam demonstrasi jalanan untuk menuntut keadilan bagi Anwar Ibrahim dan memperjuangkan hak asasi manusia. Kesedaran politik yang wujud kemudian di manifestasikan dalam bentuk undi, apabila kadar peratusan pengundi muda berdaftar dan keluar mengundi dalam pilihan raya 1999 meningkat dengan drastik.

Namun begitu, keputusan pilihan raya 1999 hanya mengurangkan undi BN tanpa mencetuskan tsunami politik seperti yang berlaku pada PRU 2008. Pada PRU 2008, undi dari pengundi muda telah melunturkan majoriti dua pertiga BN dalam Parlimen, sekali gus telah mengubah *status quo* dan lanskap politik Malaysia. Persoalannya, apakah tahap partisipasi politik pengundi muda era reformasi sehingga ke tsunami politik? Adakah tahap partisipasi pengundi muda masih sama seperti sebelum era reformasi? Bagaimana bentuk penglibatan mereka sejak reformasi sehingga ke tsunami politik? Dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi sikap politik pengundi muda ini? Oleh itu, kerangka kajian ini dibuat untuk menjelaskan perubahan dalam tahap partisipasi politik pengundi muda dan tingkah laku mereka dalam politik Malaysia.

1.6 SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur adalah aspek yang sangat penting dalam sesebuah penyelidikan. Ia bertujuan untuk membaharui hujah para sarjana sebelum ini dan membezakan kajian ini dengan kajian sebelumnya. Bagi tesis ini, sumber literatur dipilih secara selektif dari sumber yang autoritatif bagi memastikan sorotan ini kaya dengan perbincangan akademik, mewacanakan peranan, penglibatan dan sikap pengundi muda dalam politik. Oleh itu, peranan sorotan literatur ini adalah untuk mengisi kekosongan kajian lepas, memberi kritikan dan memperkayakan ilmu mengenai penglibatan dan tingkah

laku pengundi muda di negara maju, negara sedang membangun mahupun di Malaysia. Bagi memantapkan lagi sorotan literatur dalam tesis ini, maka sorotannya dibahagikan kepada tiga tema utama, iaitu: (i) sorotan literatur mengenai penglibatan dan tingkah laku pengundi muda di negara maju; (ii) penglibatan dan tingkah laku pengundi muda di negara membangun; dan (iii) penglibatan dan tingkah laku pengundi muda di Malaysia.

1.6.1 Penglibatan dan Tingkah Laku Pengundi Muda di Negara Maju

Penglibatan dan tingkah laku pengundi muda amat menarik untuk dikaji. Ini kerana peranan generasi muda sebagai agen perubahan sosial amat signifikan. Keterlibatan golongan ini berupaya menyuburkan demokrasi, menjatuhkan rejim autokratik dan membawa gelombang perubahan kepada politik sesebuah negara. Bahagian ini menyorot kajian lepas mengenai penglibatan dan tingkah laku pengundi muda di negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain, Kanada dan Jepun. Ia bertujuan untuk menilai dan membandingkan peranan, tingkah laku dan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pengundi muda di negara maju dengan kajian yang menyelidik lakukan. Antara sarjana yang telah mengkaji penglibatan dan tingkah laku pengundi muda adalah Phelps (2005), Fahmy (2006), Dalton (2008), Martin (2011) dan lain-lain. Berdasarkan kajian mereka ini, didapati bahawa penglibatan dan tingkah laku pengundi muda adalah bersifat heterogen.²³

Fahmy dalam bukunya *Young Citizens: Young People's Involvement in Politics and Decision Making* (2006) mengkaji penglibatan politik anak muda di Britain, khususnya dalam pilihan raya. Beliau menjelaskan meskipun kegiatan konvensional boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, sama ada melalui hubungan secara langsung dengan wakil rakyat, atau tidak langsung menerusi parti politik, namun mengundi dalam pilihan raya masih menjadi indikator utama dalam menilai tahap partisipasi politik. Beliau juga mendapati pembabitan golongan muda di Britain dalam proses elektoral (mengundi dan mendaftar sebagai pemilih) semakin merosot.

²³Heterogen atau kepelbagaian merujuk kepada kumpulan masyarakat yang mempunyai perbezaan dan beragam. Dalam konteks ini, penglibatan politik dan tingkah laku pengundi muda adalah beragam—berbeza dari segi kawasan, tahap pendidikan, keadaan sosioekonomi, jantina, umur, kumpulan etnik, mengikut peredaran masa, perkembangan politik dan persekitaran. Untuk perbincangan lanjut, lihat tulisan Brogan & Verney (1968) dan Chadwick & Howard (2009).



Bagi memahami dengan lebih jelas mengenai punca kemerosotan ini, Fahmy menggunakan data pilihan raya umum British tahun 2001 sebagai kes kajian. Beliau menyatakan sejak PRU 1992, pengundi muda memilih untuk menjauhkan diri dari terlibat dalam pilihan raya. Hal ini berlaku kerana pengundi muda tidak mempunyai ikatan kesetiaan dengan mana-mana parti politik (identifikasi parti). Maka, ketiadaan ikatan berpanjangan dengan parti politik menyebabkan mereka bebas untuk tidak keluar mengundi. Buktinya, seramai 2.5 juta pengundi berusia 18 hingga 24 tahun gagal keluar mengundi, manakala lebih 20% golongan muda tidak mendaftar (Fahmy 2006:51). Fenomena ini berterusan sehingga ke pilihan raya 2001 di mana lebih 28% golongan muda tidak keluar mengundi. Kajian Fahmy ini memperkuatkan dan menambah lagi kajian klasik Denver & Hands (1990). Dalam kajian mereka, Denver & Hands (1990) mendapati keutamaan isu dalam pilihan raya kini telah menggantikan identifikasi parti sebagai pengaruh utama dalam menentukan pilihan pengundi muda Britain. Analisis yang diperolehi daripada kajian mereka juga menunjukkan prinsip atau ideologi juga tidak lagi relevan dalam mempengaruhi undi anak muda.



05 Hujah Fahmy (2006) agak berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Phelps

(2005). Perbezaannya terletak kepada perbincangan mengenai corak dan tingkah laku pengundi muda di Britain. Mengikut Fahmy, ketiadaan ikatan kesetiaan dengan parti menyebabkan parti-parti politik ini menyisihkan golongan muda yang tidak mengundi kerana undi mereka tidak memberi impak terhadap politik. Manakala, Phelps (2005) pula mendapati model pilihan rasional merupakan faktor penting dalam menjelaskan tingkah laku pengundi muda pada PRU 2001. Ia termasuklah pertimbangan terhadap insentif dan kos faedah yang akan diperolehi sekiranya individu itu keluar mengundi. Misalnya, pengundi muda sangat sibuk sehinggakan tiada masa untuk keluar mengundi kerana mereka beranggapan aktiviti politik dan mengundi menggunakan banyak masa dan usaha. Maka, mengundi dilihat tidak mendatangkan faedah, sebaliknya hanya membazirkan masa sahaja. Oleh itu, pengundi muda membuat pilihan rasional untuk tidak keluar mengundi.

Kedua-dua kajian mengenai tingkah laku politik golongan muda di Britain berkait rapat dengan penyelidikan ini dari segi perbincangannya mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengundi muda dan pendekatan tingkah laku



pengundian mereka. Kedua-dua kajian ini sangat berharga dalam menyediakan latar bagi kajian yang penyelidik lakukan. Bagaimanapun, kajian lepas di atas mempunyai kekurangan dari dua aspek: pertama, mereka hanya melihat partisipasi politik anak muda menerusi kegiatan yang berbentuk konvensional khususnya mengundi sahaja, sedangkan konsep partisipasi sangat meluas pengertiannya. Partisipasi politik adalah tindakan warganegara untuk mempengaruhi keputusan politik menerusi kegiatan konvensional (mengundi, ahli parti politik dan berhubung dengan pemimpin) ataupun bukan konvensional (protes, mogok dan ancaman politik). Kedua, kajian di atas tidak memperincikan pendekatan tingkah laku pengundi dengan lebih jelas. Oleh itu, menurut penyelidik, masih terdapat banyak perkara yang boleh dianalisis dengan lebih lanjut. Misalnya, bagaimana penglibatan anak muda dalam kegiatan politik yang berbentuk bukan konvensional? Apakah tahap partisipasi politik golongan muda di Britain? Sejauh manakah penglibatan anak-anak muda ini memberi kesan terhadap perkembangan politik di Britain?

Martin (2011) pula mengkaji penglibatan politik anak muda di Australia. Fokus kajiannya adalah untuk mengkaji tahap penglibatan orang muda dalam pilihan raya (mengundi dan identifikasi parti) dan penglibatan politik bukan elektoral (seperti menandatangani petisyen, boikot produk pengguna, mengambil bahagian dalam demonstrasi atau menyertai kumpulan perbincangan di internet). Bagi memahami dengan lebih lanjut corak penglibatan politik pengundi muda, Martin telah menggunakan data soal selidik daripada International Social Survey Program (ISSP) untuk mendapatkan data yang tepat. Beliau menyatakan kebanyakan orang muda terlibat dalam bentuk partisipasi bukan elektoral. Buktinya, 47% orang muda menandatangani petisyen berbanding hanya 35% orang dewasa. Selain itu, orang muda yang mengambil bahagian dalam demonstrasi adalah tiga kali ganda jumlahnya dari orang dewasa dan hampir 40% orang muda terlibat dalam memboikot produk-produk pengguna. Manakala, tahap penglibatan orang muda dalam pilihan raya adalah rendah berbanding orang tua di mana 69% pengundi muda mengidentifikasikan diri mereka dengan parti politik berbanding 89% orang dewasa, 42% orang muda beranggapan undi itu penting dan hanya 3% orang muda yang menjadi ahli sesebuah parti politik di Australia. Penurunan tahap penglibatan golongan muda dalam pilihan raya adalah disebabkan oleh faktor pendidikan. Menurut Martin (2011:13),

kebanyakan golongan muda yang terlibat dalam kegiatan politik bukan elektoral disebabkan oleh tahap pendidikan yang tinggi di kalangan orang muda. Pandangan Martin ini mendokong hujah Dalton (2008:78) yang sebelum ini menyatakan *“The educated young are more involved ‘especially in methods that give them more direct say and influence. This is related to the skills and resources that young citizens now possess which allow them to use both electoral and non-electoral means of influence.”* Martin (2011:13) menjelaskan penglibatan politik orang muda di Australia telah berkembang kepada bentuk yang baru iaitu cara politik bukan elektoral. Fenomena yang sama dilihat berlaku di kalangan anak muda di Amerika dan ini memberi impak penting untuk masa depan demokrasi di kedua-dua buah negara. Keadaan ini bebezanya dengan yang berlaku di Malaysia. Anak muda di Malaysia, sebaliknya telah menggunakan cara politik elektoral dan bukan elektoral untuk mengubah lanskap politik Malaysia ke arah yang lebih demokratik. Misalnya, pada PRU 2008, golongan muda terlibat dalam demonstrasi jalanan dan kemudiannya menggunakan kuasa undi mereka untuk menghasilkan gelombang tsunami politik yang menyebabkan BN hilang kuasa majoriti dua pertiga dalam Parlimen dan kehilangan lima buah negeri di tangan pembangkang.

Namun begitu, terdapat beberapa kekurangan dalam analisis Martin (2011). Satu yang paling ketara adalah kajiannya tidak menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada penglibatan politik anak muda seperti faktor sosioekonomi, budaya politik, *political trust* dan media baru. Oleh sebab itu, masih banyak kelompangan dalam kajian Martin (2011) ini, misalnya adakah penglibatan golongan muda dalam politik bukan konvensional berupaya untuk memantapkan praktis demokrasi di sesebuah negara? Dalam perspektif lain, mengapakah golongan muda tidak menganggap undi itu penting? Adakah undi tidak memberi apa-apa manfaat kepada golongan muda? Justeru itu, kekurangan Martin inilah yang akan diisi oleh penyelidikan tesis ini tanpa mengurangi kelebihan kajian beliau.

Kajian Converse & Niemi (1971) mendapati golongan muda lebih bersikap apati kepada penglibatan politik kerana terdapat keutamaan yang lebih penting dalam kehidupan mereka seperti memantapkan kerjaya dan mencari jodoh. Apabila orang



muda telah menemui pasangan dan kerjaya yang sesuai, tumpuan mereka akan beralih kepada penglibatan politik. Hujah Converse & Niemi ini sealiran dengan Wolfinger & Rosenstone (1980) yang membincangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kadar keluar mengundi di Amerika dengan memfokuskan kajian kepada pembolehubah sosio-demografi tertentu seperti kumpulan etnik, umur, jantina dan pendidikan. Tujuannya adalah untuk mengkaji punca yang menyebabkan lebih daripada 70 juta warga Amerika dijangka tidak keluar mengundi dalam pilihan raya Presiden tahun 1980. Berdasarkan kepada soal selidik yang dijalankan oleh biro banci pada tahun 1972 dan 1974, Wolfinger & Rosenstone mendapati faktor umur dan pendidikan adalah dua faktor utama yang mempengaruhi pengundi untuk keluar mengundi. Pendidikan mempengaruhi pengundi menerusi beberapa cara: pertama, skil yang ada digunakan untuk memproses maklumat politik dan membuat keputusan politik. Kedua, memberikan kepuasan dalam penglibatan politik. Ketiga, pendidikan mendedahkan kepada pelbagai hubungan birokratik yang boleh membantu mengatasi masalah dalam pendaftaran pengundi dan pilihan raya. Hasil kajian mereka juga menunjukkan orang muda tidak mengundi dalam magnitud yang sama dengan orang dewasa. Ini bermakna, kebanyakan orang muda tidak mengundi berbanding orang dewasa. Wolfinger & Rosenstone (1980:45) menjelaskan peningkatan dalam penyertaan politik boleh datang apabila golongan muda mula mengambil peranan sebagai orang dewasa pada masa hadapan. Misalnya, apabila sudah berkahwin, mereka akan memikirkan tanggungjawab untuk memberi masa depan yang cerah kepada anak-anak, maka orang dewasa akan keluar mengundi untuk mempengaruhi dasar kerajaan.

Analisis Wolfinger & Rosenstone (1980) menarik sekali disoroti kerana ia memberi gambaran tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pengundi untuk keluar mengundi. Meskipun, kajian yang dilakukan tidak menumpukan kepada tiga pendekatan utama tingkah laku pengundi, namun faktor-faktor ini dilihat relevan dalam memperjelaskan sikap politik anak muda di Malaysia. Ini kerana perkembangan bidang pendidikan di Malaysia merupakan salah satu faktor yang telah menggerakkan penglibatan politik anak muda di negara ini. Ada beberapa kekurangan yang ketara dalam kajian Wolfinger & Rosenstone. Pertama, mereka tidak membincangkan impak penglibatan pengundi muda dalam pilihan raya di Amerika.



Kedua, Wolfinger & Rosenstone tidak menghujahkan dengan jelas bagaimana pembolehubah lain seperti kumpulan etnik dan jantina mempengaruhi kadar keluar mengundi. Oleh itu, tanpa mengurangkan dapatan kajian Wolfinger & Rosenstone, penyelidikan ini akan memperkembangkan kajian mereka dengan membincangkan impak penglibatan golongan muda dalam politik dan pilihan raya di Malaysia.

Kesemua kajian di atas tentang pola penglibatan dan sikap politik pengundi muda di negara maju lebih kurang sama sahaja. Analisisnya dilihat kabur dan tidak berkembang kerana terlalu menumpukan perbincangan kajian kepada dua aspek, iaitu: kemerosotan kadar undi pengundi muda dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Walau bagaimanapun, kajian mereka tidak menganalisis aspek-aspek lain seperti siapakah yang bertanggungjawab menggerakkan penglibatan politik anak muda?, apakah tahap partisipasi politik golongan muda?, apakah perubahan yang berlaku dalam politik kesan daripada penglibatan anak muda?, dan bagaimana perubahan partisipasi politik anak muda? Oleh itu, tesis ini mengkaji dengan lebih terperinci lagi mengenai beberapa perkara yang belum sempat dikupas oleh sarjana-sarjana lepas.

1.6.2 Penglibatan dan Tingkah Laku Pengundi Muda di Negara sedang Membangun

Pola penglibatan dan tingkah laku pengundi muda dalam politik di negara sedang membangun telah dikaji oleh ramai sarjana. Antaranya ialah Tianjian Shi (1999), Schoeman & Putteggill (2007) dan Seongyi & Woo-Young (2010).

Tianjian Shi (1999) mengkaji tingkah laku pengundi muda dalam masyarakat komunis di bawah regim autoritarian di China. Pada tahun 1970, negara komunis di Eropah Timur telah melakukan reformasi elektoral dengan menghapuskan pungutan suara dan memperkenalkan sistem pilihan raya terhad. Tempias reformasi elektoral ini turut dirasai di China sehingga mendorong National People's Congress (NPC) mengadaptasi sistem ini kepada rakyatnya. Oleh itu, Tianjian Shi memfokuskan analisisnya kepada reaksi dan tingkah laku pengundi terhadap perubahan sistem ini. Hasil kajiannya mendapati golongan muda yang mempunyai pengetahuan politik dan keinginan untuk berubah bersikap apati terhadap pilihan raya yang diadakan. Ia sebagai tanda protes terhadap cengkaman regim pemerintah yang autokratik. Menurut



Tianjian Shi, sikap pengundi muda dipengaruhi oleh faktor rasional di mana mereka melibatkan diri dalam pilihan raya yang diadakan, meskipun dikawal oleh regim autokratik, untuk mencapai objektif iaitu membawa gelombang demokrasi di China, untuk mencapai kepentingan politik dan menghukum pemimpin yang korup. Kajian Tianjian Shi ini diperkukuhkan lagi oleh hujah Baogang He (2007). Baogang He menyatakan walaupun masyarakat khususnya orang muda cuba menerapkan nilai dan budaya demokratik di China, namun masih wujud budaya parokial atau apati di kalangan mereka. Ia berlaku kerana masyarakat tradisional terutamanya yang tinggal di kawasan pedalaman masih belum terdedah kepada maklumat politik. Maka, golongan apati ini masih memberi sokongan mereka kepada kepimpinan autoritarian sehingga menyebabkan nilai demokrasi sukar berkembang.

Kajian kedua-dua sarjana di atas relevan dengan tesis ini kerana membincangkan sikap politik pengundi muda dan peranan penting golongan muda dalam menyuburkan amalan demokrasi, yang juga merupakan sebahagian daripada skop kajian ini. Di Malaysia, walaupun golongan muda sudah menggerakkan pelbagai protes, menggunakan kuasa undi dalam pilihan raya, usaha mendorong rejim ke arah demokratik telah dilaksanakan, namun sistem politiknya kekal tidak berubah. Persoalannya, adakah golongan apati (sama seperti di China) atau kawalan represif kerajaan itu sendiri yang membantutkan proses transformasi politik? Di sebalik kekuatan, wujud juga kekurangan dalam kedua-dua kajian ini iaitu para sarjana gagal membincangkan dengan lebih komprehensif peranan yang dimainkan oleh orang muda dalam usaha untuk mendemokrasikan sesebuah negara. Oleh itu, penyelidikan ini dilihat berbeza daripada kajian Tianjian Shi dan Baogang He dalam beberapa aspek: Pertama, penyelidikan ini membincangkan mengenai perubahan dalam peranan dan perjuangan politik anak muda mengikut kronologi bermula dari era sebelum merdeka sehingga ke tsunami politik tahun 2008. Kedua, mengkaji tahap partisipasi politik golongan muda mengikut acuan yang telah dikemukakan oleh Almond & Verba (1963).

Sementara itu, Schoeman & Puttergill (2007) pula mengkaji tentang tingkah laku pengundi muda di Afrika Selatan. Bagi memahami dengan lebih terperinci mengenai tingkah laku pengundi muda, mereka mengkaji pilihan raya kerajaan



tempatan di Afrika Selatan pada tahun 2006 dengan menjalankan kajian *pilot* ke atas pelajar Universiti Pretoria. Hasil kajian mereka mendapati walaupun kadar keluar mengundi dan mendaftar sebagai pemilih adalah rendah di kalangan golongan muda, namun mereka cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti mengundi dari masa ke semasa dan optimistik terhadap kerajaan biarpun terdapat pelbagai masalah yang timbul dalam pentadbiran. Meskipun wujud ketidakpuasan hati terhadap prestasi pemerintah, tetapi mereka tidak mengalihkan undi kepada parti pembangkang. Dalam konteks tingkah laku pengundi muda, analisis Schoeman & Puttergill (2007:171) mendapati model pilihan rasional tidak berupaya menjelaskan tingkah laku pengundi muda. Ini kerana golongan muda di Afrika Selatan mempunyai ikatan kesetiaan yang kuat dengan parti politik dan menjadikan pemimpin politik sebagai *role model*. Misalnya, 50% pelajar kulit hitam dan 45% pelajar kulit putih menjadikan Nelson Mandela sebagai simbol perjuangan menuntut hak asasi manusia. Oleh itu, identifikasi parti dan beberapa elemen sosiologikal (sosioekonomi, kumpulan etnik dan jantina) adalah model yang paling tepat untuk menganalisis tingkah laku pengundi muda dalam pilihan raya 2006 ini. Hujah Schoeman & Puttergill hampir sama dengan kajian Rivero (2006). Rivero menyatakan di Afrika Selatan, kelas pemerintah tidak dibezakan dari segi ketinggian status sosioekonomi, tetapi perbezaan nampak lebih ketara dalam aspek etnik. Misalnya, dalam kajian Schoeman & Puttergill (2007:167), kebanyakan pelajar kulit hitam menyokong parti African National Congress (ANC), manakala pelajar kulit putih lebih cenderung memberikan sokongan mereka kepada parti Democratic Alliance (DA).

Kajian Schoeman & Puttergill (2007) perlu diberi perhatian serius kerana berkait rapat dengan penyelidikan ini dalam beberapa aspek: Pertama, tiga pendekatan utama—sosiologikal, identifikasi parti dan pilihan rasional digunakan untuk mengkaji tingkah laku pengundi muda. Kedua, kajian ini turut membincangkan penglibatan golongan muda dalam politik bukan konvensional meskipun golongan muda Afrika pasif dalam bentuk partisipasi politik ini. Walau bagaimanapun, masih ada kelemahan yang tidak boleh ditutupi, iaitu kajian ini gagal mengaitkan hubungan di antara konsep partisipasi politik dan tingkah laku pengundi dalam menjelaskan penglibatan golongan muda. Maka, penyelidikan ini mengisi kelompangan ini tanpa mengurangkan kelebihan kajian Schoeman & Puttergill ini.



Seongyi & Woo-Young (2010) membincangkan mengenai partisipasi politik generasi muda Korea di era informasi. Fokus kajian mereka adalah untuk menganalisa corak perubahan partisipasi politik golongan muda Korea berserta puncapuncanya. Berdasarkan kepada kajian kes protes Lilin (*candlelight protest*) tahun 2008, hasil kajian mereka mendapati berlaku perubahan besar dalam sikap politik golongan muda sehingga mewujudkan generasi politik baru.²⁴ Ini kerana kemunculan media baru memainkan peranan yang besar sebagai saluran politik utama yang menggerakkan penglibatan anak muda dalam politik Korea. Menurut Seongyi & Woo-Young (2010:247), kesedaran dan partisipasi politik golongan muda sebelum berlakunya protes Lilin agak pasif kerana masyarakat terikat dengan warisan sosial yang telah dikonstruksikan oleh pemerintah autoritarian. Tambahan pula, persaingan sengit dalam bidang akademik menyebabkan golongan muda lebih menumpukan perhatian pada pelajaran sehingga menjadi kelompok yang apati. Tetapi, protes Lilin merupakan perubahan dramatik dalam sejarah gerakan sosial di Korea. Puncanya, kebangkitan internet telah dianggap sebagai sumber maklumat yang boleh dipercayai, menghubungkan anak-anak muda, mengekspresikan protes politik kerana ia tidak dikawal oleh kerajaan. Kajian ini menguatkan lagi hujah Dahlgren & Olsson (2007) dan Quintelier & Vissers (2008) yang menyatakan internet berupaya untuk menembusi ke dalam kehidupan anak muda berbanding dengan kelompok masyarakat yang lain. Internet juga berfungsi sebagai sumber gerakan bagi aktivis anak muda melancarkan kempen, petisyen dan mogok. Protes Lilin ini juga menunjukkan melalui internet, golongan muda boleh menyuarakan bantahan mereka dan muncul sebagai kumpulan politik baru untuk memimpin gerakan sosial.

Kajian Seongyi & Woo-Young (2010) menarik kerana beberapa faktor. Pertama, mereka membincangkan mengenai perubahan dalam corak penglibatan anak muda daripada pasif kepada lebih agresif dan berlawanan dengan norma masyarakat. Kedua, mereka berjaya menganalisis kaedah baru dalam penglibatan politik anak muda iaitu penggunaan internet. Melalui internet, golongan muda berupaya

²⁴Protes Lilin (*candlelight protest*) merupakan demonstrasi terbesar dalam sejarah politik Korea. Protes ini berlaku pada bulan Mei 2008 ekoran bantahan masyarakat terhadap perjanjian dagangan daging lembu yang tidak adil di antara Amerika dan Korea. Seramai 3.5 juta penunjuk perasaan dan 50% daripadanya merupakan golongan muda mengambil bahagian dalam protes yang berlangsung selama 100 hari ini. Golongan muda melancarkan provokasi dan menyebarkan protes ini melalui media baru, internet dan peranti digital.





menggerakkan protes rakyat. Di Malaysia, kemunculan media baru juga dianggap signifikan kerana ia berjaya meningkatkan kesedaran politik golongan muda dan menarik sokongan mereka untuk menyertai protes politik. Misalnya, demonstrasi Bersih 2.0 berjaya memobilisasi sokongan anak muda menerusi kempennya dalam internet dan penggunaan SMS. Begitupun, masih ada kekurangan dalam kajian Kajian Seongyi & Woo-Young. Pertama, mereka gagal menjelaskan dengan lebih terperinci kemunculan media baru dan bagaimana ia mempengaruhi anak muda. Kedua, mereka tidak cuba membandingkan fenomena yang berlaku di Korea dengan revolusi anak muda di negara-negara lain seperti Mesir, Tunisia dan Syria. Maka, persoalannya, apakah peranan media baru ini dalam meningkatkan tahap partisipasi politik anak muda di Malaysia? Selain itu, penyelidikan ini juga membandingkan penglibatan politik anak muda di Malaysia dengan negara-negara lain supaya analisisnya lebih mantap dan komprehensif.

Merujuk kepada sorotan kajian di atas, maka boleh dirumuskan kajian mereka dilihat selari dan sama saja. Mereka hanya menyentuh beberapa aspek, iaitu tingkah laku pengundi muda di negara sedang membangun, faktor-faktor yang mempengaruhinya dan kebangkitan media baru. Tetapi, kajian mereka tidak mengkaji beberapa aspek penting seperti: Apakah impak penglibatan golongan muda dalam politik? Adakah mewujudkan pemerintahan demokratik atau semakin autokratik? Jika semakin autokratik, apakah faktor-faktor yang mempengaruhinya? Dan sejauh manakah keberkesanan peranan media baru yang digunakan oleh pengundi muda berjaya mengubah lanskap politik menuju pendemokrasian?

1.6.3 Penglibatan dan Tingkah Laku Pengundi Muda di Malaysia

Di Malaysia, penglibatan dan tingkah laku pengundi muda tidak jauh berbeza dengan corak partisipasi generasi muda di negara sedang membangun yang lain. Perbezaan yang ketara terletak kepada peranan dan aktor yang banyak meniupkan semangat kebangkitan golongan muda dalam politik.

Massila Hamzah & Yuslinda Mat Yassin (2009) mengkaji tingkah laku politik di kalangan anak muda di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam





menjalankan tanggungjawab mereka sebagai warganegara. Kajian ini juga menganalisis faktor penyumbang kepada tahap partisipasi golongan muda dalam proses pilihan raya. Dapatan kajian ini menunjukkan walaupun golongan muda mempunyai kesedaran politik dan menyedari kepentingan undi, tetapi mereka tiada komitmen dan kesediaan untuk melaksanakan hak sebagai pengundi. Selain itu, orientasi politik mereka masih dipengaruhi oleh interaksi dengan rakan sebaya dan sentimen daripada pelbagai isu seperti kebebasan, kesaksamaan dan kebebasan bersuara. Menurut Massila Hamzah & Yuslinda Mat Yassin (2009:4), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penglibatan anak muda dalam proses politik. Pertama, pengaruh utama yang membentuk minda golongan muda adalah interaksi mereka dengan ahli keluarga, rakan sebaya dan kumpulan sosial. Tahap pengetahuan politik kedua ibu bapa dan perbincangan politik antara anak muda dan ibu bapanya boleh menjana pengetahuan politik golongan muda. Hujah ini bertentangan dengan hasil kajian Doni Hendrik (2007). Doni Hendrik yang menganalisis tingkah laku mengundi golongan belia di Kota Bharu pada PRU 2004 mendapati purata penggunaan media sewaktu pilihan raya 2004, taraf identifikasi parti dan kepatuhan belia pada orang yang dihormati adalah sederhana. Namun, belia Kota Bharu melihat prestasi kerajaan atau parti adalah baik dan memuaskan. Manakala, pengaruh rakan sebaya dalam menentukan tingkah laku politik belia masih rendah di Kota Bharu. Ini bermakna, belia di Kota Bharu optimistik terhadap kemajuan yang telah dibawa kerajaan dan masih mempercayai kemampuan kerajaan untuk memerintah.

Kajian Massila Hamzah & Yuslinda Mat Yassin (2009) relevan dengan penyelidikan ini dalam dua aspek, iaitu: Pertama, golongan muda tidak mahu melibatkan diri dalam pilihan raya atau politik meskipun kesedaran politik wujud dalam diri mereka kerana mereka menganggap undi dalam pilihan raya tidak berupaya membawa perubahan kepada negara. Kedua, media baru menjadi saluran penting yang berupaya mempengaruhi undi anak muda. Begitupun, kekurangan analisis mereka terletak pada dua hal. Pertama, kajian ini tidak menghujahkan analisis konseptual bagi mengkaji tingkah laku politik anak muda. Kedua, mereka juga gagal membincangkan secara komprehensif sejarah penglibatan politik anak muda di Malaysia. Oleh itu, penyelidikan ini mengisi kekosongan yang ada dengan tujuan untuk melihat pola perubahan dalam penglibatan politik anak muda.





Abdul Rashid Moten (2011) membincangkan perubahan dalam budaya politik dan tingkah laku elektoral di Malaysia. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan sebelum tahun 1999 dan pasca pilihan raya 2008, beliau mendapati berlaku perubahan dalam budaya politik Malaysia. Sebelum tahun 1999, budaya politik Malaysia adalah budaya politik 'subjek', namun pasca PRU 2008 menggambarkan tahap partisipasi politik Malaysia berada pada tahap budaya politik partisipan. Antara kelompok masyarakat yang mengalami perubahan dalam budaya politik ialah golongan muda, wanita dan kelas menengah. Perubahan dalam budaya politik ini disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu prestasi rejim yang merosot dan lemah, kemunculan masyarakat sivil dan kemunculan media baru. Hujah ini selari dengan kajian Mohd Azizuddin Mohd Sani (2009) yang menjelaskan tiga faktor utama munculnya tsunami politik tahun 2008 iaitu perselisihan dalam BN, gerakan masyarakat sivil dan media baru. Meskipun Azizuddin tidak membincangkan penglibatan pengundi muda secara terperinci, namun analisis kajiannya mendapati gerakan masyarakat sivil memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan partisipasi golongan muda dalam politik. Gerakan masyarakat sivil adalah saluran yang tepat untuk menyalurkan informasi dan mempengaruhi polisi kerajaan. Gerakan ini semakin bergiat aktif sejak era reformasi politik pada tahun 1998 dan bertambah kuat kesan daripada kesedaran politik generasi muda. Mohd Azizuddin Mohd Sani (2009:13) turut mengakui kewujudan media baru seperti blog, laman sesawang dan rangkaian sosial merupakan medium penting dalam mempengaruhi undi pengundi muda.

Kajian Abdul Rashid Moten (2011) menarik untuk diambil perhatian kerana secara umumnya, beliau telah membincangkan perubahan dalam tahap partisipasi politik dan mengaitkannya dengan penglibatan politik pengundi muda. Jika dibandingkan kajian Abdul Rashid Moten (2011) dan Mohd Azizuddin Mohd Sani (2009), analisis kedua-duanya saling melengkapi kerana mereka menjelaskan secara lanjut mengenai punca-punca yang menggerakkan perubahan budaya dan penglibatan politik masyarakat. Bagaimanapun, masih terdapat persoalan: Adakah tahap partisipasi politik masyarakat Malaysia sama dengan tahap partisipasi politik pengundi muda? Adakah berlaku juga perubahan dalam budaya politik anak muda Malaysia? Maka, penyelidikan ini membahaskan hal ini tanpa mengurangkan kelebihan kajian-kajian di atas.





Nazni Noordin et al. (2010) dalam kajian mereka yang bertajuk *Malaysian Young Voters' Voices in the New Political Landscape* membincangkan mengenai kelemahan BN yang tidak mempedulikan suara rakyat, terutamanya pengundi muda dalam PRU 2008. Berdasarkan kepada kaji selidik yang dijalankan, mereka mendapati pengundi muda mewakili sebanyak 40% daripada jumlah keseluruhan pengundi di Malaysia. Ini bermakna golongan ini yang menentukan dan mencorak landskap politik Malaysia. Analisis kajian mendapati faktor calon telah mempengaruhi sikap pengundi muda. Pengundi muda akan mengundi calon politik berdasarkan kepada profil, imej dan karektor peribadi, misi serta latar pendidikan calon. Calon yang 'bersih' daripada sebarang skandal, kronisme, korupsi dan nepotisme adalah calon yang menjadi pilihan pengundi muda. Walau bagaimanapun, ayunan undi ke parti lain hanyalah bersifat sementara dan tidak menjejaskan ikatan kesetiaan mereka dengan sesebuah parti.

Kajian Nazni Noordin et al. (2010) ini sangat relevan dengan penyelidikan ini dalam beberapa perkara. Pertama, kajian ini membincangkan mengenai tingkah laku pengundi muda pada PRU 2008 dan kajian ini juga menunjukkan golongan muda memainkan peranan mereka untuk mengubah lanskap politik Malaysia mengikut acuan yang mereka kehendaki. Namun, di sebalik kelebihan tersebut terdapat beberapa kelemahan yang menonjol. Pertama, Nazni Noordin et al. (2010) gagal menjelaskan bagaimana peranan golongan muda ini berjaya mewujudkan lanskap politik baru di Malaysia? Kedua, kajian ini tidak cuba membandingkan tingkah laku pengundi muda pada pilihan raya yang lalu supaya pembaca dapat memahami perubahan-perubahan yang berlaku dalam tingkah laku pengundi ini. Maka, penyelidikan ini mengisi kelompangan kajian lepas tanpa mengurangkan kelebihannya.

Fokus kajian lepas dari semua sarjana di atas menganalisis mengenai penglibatan dan tingkah laku pengundi muda secara umum sahaja tanpa memberi penjelasan terperinci mengenai perubahan dan impak penglibatan golongan ini dalam mencorakkan lanskap politik negara. Di samping itu, kekurangan analisis daripada kajian-kajian lepas dapat dilihat apabila sarjana hanya melihat kepada faktor kemunculan media baru sahaja tanpa memberi perincian khusus terhadap faktor-faktor





lain seperti peranan Anwar Ibrahim dan masyarakat sivil dalam menggerakkan penglibatan golongan muda. Kajian ini tidak mengurangi kelebihan kajian terdahulu, sebaliknya hanya menambah dan mengisi kekurangan yang tidak dibincangkan oleh para sarjana di atas. Antara yang dibincangkan dalam kajian ini adalah pola penglibatan dan tingkah laku pengundi muda dalam pilihan raya di Malaysia, bermula pada era reformasi politik tahun 1998 hingga tsunami politik tahun 2008. Selain itu, kajian ini menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan, tingkah laku pengundi muda serta impak penglibatan golongan ini dalam mengubah lanskap politik di Malaysia.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan elemen penting dalam penyelidikan kerana ia menentukan corak dapatan sesuatu hasil kajian. Oleh itu, pengkaji perlu membuat perancangan teliti mengenai reka bentuk kajian supaya ia dapat menjawab persoalan kajian yang ingin diteroka dalam sebuah penyelidikan. Dalam tesis ini, bagi menganalisis partisipasi politik pengundi muda Malaysia dari era reformasi pada tahun 1998 hingga tercetusnya tsunami politik pada tahun 2008, penyelidik memilih menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini digunakan kerana seperti kata Marshall & Rossman (2006:2), ia adalah pendekatan luas yang bersifat naturalistik, deskriptif dan kritikal dalam mengkaji fenomena sosial yang rumit. Menurut Luton (2010:13) pula, pendekatan kualitatif dapat membina hubungan erat penyelidik dengan apa yang dikaji. Hubungan ini sekali gus membantu penyelidik mengambil tindakan yang sesuai bagi menyelesaikan fenomena sosial yang dikaji. Kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini tidak hanya bersandarkan kepada huraian deskriptif, tetapi juga turut memberi tumpuan kepada perbincangan, analisis, huraian dan penilaian terperinci mengenai fenomena sosial yang dikaji supaya dapat menjawab persoalan kajian secara kritikal dan analitikal.

Dalam konteks pengumpulan data, dua kaedah utama yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data daripada sumber asli yang diperolehi dari temu bual dengan para informan yang dipilih secara selektif. Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan kaedah temu



bual bersemuka sebagai mekanisme bagi mengumpulkan data primer. Temu bual bersemuka ini merupakan interaksi bersemuka antara penyelidik dan informan. Temu bual ini dijalankan dengan tujuan untuk memperoleh maklumat bagi menjawab permasalahan kajian daripada informan.²⁵

Para informan yang dipilih untuk ditemu bual adalah dari kalangan golongan intelektual, pemimpin dan aktivis politik serta penganalisa politik di Malaysia seperti Y.B Khairy Jamaluddin (Ketua Pemuda UMNO), Y.B Puan Fuziah Salleh (Ahli Parlimen Kuantan) dan Y.B Tuan Azan Ismail (Ahli Parlimen Indera Mahkota). Informan ini dipilih secara selektif dan autoritatif menerusi kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*).²⁶ Ia bertujuan untuk memastikan maklumat yang diperolehi dari informan berkualiti dan kaya dengan perdebatan ilmiah. Selain itu, para informan juga berupaya untuk menghuraikan hujah yang bernas dan analitikal dalam memenuhi tujuan kajian. Sewaktu sesi temu bual bersemuka dijalankan, pengkaji menggunakan nota lapangan (*field notes*) bagi mengumpulkan maklumat daripada informan.²⁷ Selain itu, alat perakam suara dan video kamera turut digunakan bertujuan untuk merekodkan informasi supaya tiada keciciran maklumat berlaku. Kemudian, data yang telah direkodkan diterjemah dalam bentuk transkrip bagi memastikan maklumat tidak dimanipulasi oleh pengkaji.

²⁵Penggunaan kaedah temu bual ini mempunyai beberapa kelebihan. Pertama, segala kekaburan dalam soalan boleh diperjelaskan dengan cepat serta pengkaji dapat mengetahui dengan lebih terperinci mengenai pengetahuan, pendapat, perasaan, emosi serta pengalaman sebenar informan kerana pengkaji sendiri bertemu dan menemubual informan tersebut. Kaedah temu bual ini juga mewujudkan jalinan hubungan peribadi di antara informan dan pengkaji. Namun, terdapat kekangan dalam melaksanakan kaedah ini seperti faktor masa, kecenderungan untuk bersifat berat sebelah apabila ia melibatkan emosi dan perasaan informan serta keengganan informan untuk ditemubual.

²⁶Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) merujuk kepada prosedur persampelan atau alat yang digunakan dalam pemilihan informan. Dalam persampelan ini, pengkaji memilih informan secara selektif berdasarkan kepada ciri-ciri, pengetahuan dan pengalaman tertentu yang berkaitan dengan permasalahan yang dikaji (Chua 2006:201). Informan yang dipilih dalam kajian ini adalah informan autoritatif yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan luas dalam politik Malaysia, khususnya isu penglibatan pengundi muda dalam pilihan raya. Selain itu, sebahagian para informan ini terlibat secara langsung dalam menggerakkan penglibatan politik golongan belia Malaysia.

²⁷Nota lapangan (*field notes*) merupakan mekanisme yang digunakan untuk mencatat maklumat yang diperolehi hasil daripada temu bual yang dijalankan dengan informan kajian. Nota lapangan ini mengandungi informasi deskriptif mengenai fenomena yang telah diperhatikan dan kutipan langsung dari temu bual antara pengkaji dan informan.

Temu bual bersemuka dalam kajian ini adalah temu bual semi struktur, iaitu pengkaji menyoal sebilangan set soalan yang telah dirangka sebelum temu bual berlangsung. Antara contoh soalan yang dikemukakan ialah mengapa penglibatan pengundi muda dilihat luar biasa pada era reformasi politik? Siapakah aktor yang bertanggungjawab dalam meningkatkan penglibatan pengundi muda? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengundi muda hingga memunculkan tsunami politik pada PRU 2008? Dan apakah impak penglibatan pengundi muda dalam politik Malaysia? Lanjutan daripada soalan-soalan ini, muncul pula soalan baru berkaitan dengan permasalahan kajian yang perlu dijawab oleh informan. Maka, kaedah temu bual semi struktur ini membolehkan informan memperincikan sesuatu isu tanpa perlu menyimpang kepada isu-isu yang tidak berkaitan.

Data sekunder pula diperolehi daripada buku, tesis dan jurnal akademik yang berkait rapat dengan isu penglibatan dan tingkah laku pengundi muda Malaysia. Terdapat banyak data sekunder yang membincangkan isu mengenai penglibatan politik pengundi muda, tetapi penyelidik hanya menggunakan data sekunder yang ditulis oleh sarjana autoritatif sahaja. Ini penting kerana penggunaan data autentik dan autoritatif berupaya menghasilkan kajian yang bermutu dan berkualiti. Selain itu, kajian ini turut menggunakan data statistik yang diperolehi daripada Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia (SPR), Kementerian Penerangan dan Jabatan Perangkaan bagi menyokong hujah dan analisis kajian. Di samping itu, makalah dari akhbar tempatan dan antarabangsa serta majalah yang bersesuaian juga turut digunakan bagi membantu melengkapkan lagi analisis kajian ini.

Kebaikan menggunakan data sekunder dalam kajian ini adalah kerana data ini berupaya menyediakan latar, teori, maklumat dan gambaran deskriptif mengenai penglibatan dan tingkah laku pengundi muda di Malaysia. Data sekunder ini kebanyakannya diperolehi daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (PTSL), Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan Perpustakaan Negara.

1.8 ORGANISASI PENULISAN

Tesis ini dibahagikan kepada lima bab. Bab I memperincikan permasalahan, tujuan dan skop kajian. Bagi melengkapkan dan menghujahkan analisis secara sistematik, bahagian ini juga turut membincangkan teras asas dalam sesebuah tesis sarjana iaitu analisis konseptual yang relevan dalam menjawab persoalan kajian, sorotan literatur dan metodologi kajian.

Bab II membincangkan sejarah dinamika penglibatan dan tingkah laku politik pengundi muda Malaysia sejak pra-kemerdekaan hingga era pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad. Bab ini dimulakan dengan melihat kepada penglibatan anak muda dalam gerakan menuntut kemerdekaan daripada pihak British sehingga perjuangan mencapai kemerdekaan berjaya direalisasikan. Selain itu, bab ini juga mengupas penglibatan golongan muda dalam pilihan raya dan perjalanan politik Malaysia khususnya selepas berlaku beberapa siri protes politik dan rusuhan kaum sekitar tahun 1960-an hingga 1990-an. Hal ini penting untuk dikaji kerana ia menyediakan latar belakang mengenai penglibatan awal dan usaha golongan muda dalam politik dan pilihan raya di Malaysia.

Bab III pula menganalisis partisipasi politik pengundi muda di Malaysia sejak tercetusnya era reformasi politik pada tahun 1998 hingga pilihan raya 2004. Rentang masa ini dipilih kerana ia menunjukkan peningkatan luar biasa penglibatan dan kesedaran pengundi muda dalam politik Malaysia. Antara aspek yang dilihat adalah isu pemecatan Anwar Ibrahim yang telah mencetuskan gerakan reformasi politik pada tahun 1998 sehingga wujudnya gelombang kebangkitan belia yang sangat luar biasa. Selain itu, bab ini turut menganalisis perubahan dalam partisipasi politik pengundi muda daripada perjuangan politik berasaskan perkauman kepada gerakan memperjuangkan keadilan dan hak asasi manusia. Di samping itu, bab ini mengkaji tingkah laku pengundi muda dalam PRU 1999 dan 2004 yang memperlihatkan perubahan undi pengundi muda daripada mengundi parti pembangkang pada PRU 1999 kepada BN pada PRU 2004.



Bab IV menelusuri secara mendalam kebangkitan pengundi muda dalam PRU 2008 yang menghasilkan gelombang tsunami hingga berjaya mengubah lanskap politik Malaysia. Persoalan yang dijawab dalam bab ini ialah apakah faktor-faktor yang mempengaruhi sikap politik pengundi muda Malaysia hingga mencetuskan tsunami politik? Apakah partisipasi politik pengundi muda pada era tsunami ini? Persoalan lain yang dibahaskan dalam bab ini ialah impak penglibatan pengundi muda ke atas politik Malaysia?

Bab V menyimpulkan penemuan utama kajian ini. Bab ini juga menyorot kembali persoalan kajian berdasarkan kepada informasi dan data yang diperolehi daripada hasil temubual dan rujukan data sekunder. Bab ini juga menjawab hipotesis kajian iaitu golongan muda memainkan peranan penting dalam mengubah lanskap politik di Malaysia dari autokratik kepada yang lebih demokratik menerusi penglibatan mereka dalam demonstrasi ke siber politik dan kemudiannya mengundi dalam pilihan raya. Selain itu, bab ini juga menghujahkan beberapa penemuan menarik yang menjadi sumbangan kepada penyelidikan ini, iaitu partisipasi politik pengundi muda tidak berjaya menggantikan kerajaan pemerintah tetapi jelas mampu mencetuskan tsunami politik seperti yang dapat dilihat dalam keputusan PRU 2008. Ini kerana kerajaan berjaya menyekat kemaraan pengundi muda dari dua aspek. Dari satu sisi, kerajaan menggunakan kuasa mereka untuk memenuhi kehendak dan kesejahteraan hidup pengundi muda seperti menyediakan peluang pekerjaan, insentif perumahan dan biasiswa pendidikan. Dari sisi lain, kerajaan bertindak mengenakan sekatan undang-undang seperti AUKU, ISA dan OSA untuk menyekat kebebasan politik golongan muda. Selain itu, wujud golongan yang mempertahankan *establishment* dan menyokong pemimpin autokratik sehingga mengakibatkan golongan pendokong demokrasi sukar berjaya. Walau bagaimanapun, penggunaan ICT secara meluas di kalangan anak muda untuk menyuarakan tuntutan dan bangkangan politik mereka merupakan satu bentuk penglibatan baru, yang berupaya untuk membawa gelombang pendemokrasian di Malaysia.

